


Jilid 1  
Bil.28



Hari Selasa  
22hb Januari, 1991

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4097]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1991**

*Jawatankuasa—*

*Jadual-*

Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 4134]

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan B. 32 (Ruangan 4144)

Maksud B. 33 [Ruangan 4198]

Maksud B. 34 [Ruangan 4207]

Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38, B. 39, B. 40, B. 41 dan B. 42 (Ruangan 4208)

### **USUL:**

**Aaggaran Pembangunan 1991**

*Jawatankuasa—*

Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 4134]

Maksud P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 58 [Ruangan 4144]

Maksud P. 33 (Ruangan 4198)

Maksud P. 34 [Ruangan 4207]

Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39 dan P. 40 [Ruangan 4208]

22 JANUARI 1991

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.L.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ - Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Pctra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., p.i.s. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei),
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUND BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHAUD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAELI, TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Tiliwangsa).
- Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEH WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- TUAN HAH ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- TUAN HAI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATUK AMIR KAHAR BIN TON DATU MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ DR V. DAVID (Puchung).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

„ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

„ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

„ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISHAK (Kota Bharu).

„ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

„ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHO (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GoR KAYA (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,  
K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,  
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sillong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRJ RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN *alias* YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

„ TUAN VUN SHIN CHOI *alias* JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

„ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Pcnolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLJMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Selasa, 22hb Januari, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang***D O A**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****AKTA BARU PENDIDIKAN**

**1. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang akta baru Pendidikan Negara yang sedang digubal pada masa kini:

- (a) bilakah akta ini dapat disiapkan dan dibentangkan di Dewan Rakyat; dan
- (b) adakah benar bahawa parti-parti pembangkang tidak menunjukkan minat dalam memberikan pandangan dan saranan di atas pindaan akta tersebut

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Majlis Perundingan Akta Pendidikan (MPAP) akan meneruskan perbincangannya tidak lama lagi dan sesudah

itu Rang Undang-undang itu akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

- (b) Parti-parti Pembangkang telah dijemput tetapi tidak menyertainya.

**PESTA SUKAN HARI  
KEBANGSAAN**

**2. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan ahli sukan yang telah melibatkan diri dalam Pesta Sukan Hari Kebangsaan di seluruh negara;
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan bagi menjayakan Pesta Sukan tersebut; dan
- (c) apakah ianya akan dijadikan acara tahunan bagi meraikan sambutan Hari Kebangsaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) Bilangan ahli sukan yang terlibat ialah seramai 76,368 orang.
- (b) Jumlah perbelanjaan ialah sebanyak \$1,330,823.46.
- (c) Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita merasakan bahawa Pesta Sukan Hari Kebangsaan ini merupakan pesta yang amat besar dan bermakna kepada negara. Adakah Kementerian bercadang selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang (caring society), dengan izin, jaguh-jaguh sukan kita yang telah mengharumkan nama negara pada masa-masa yang lampau seperti Boon Bee, Kumaran dan lain-lain, adakah Kementerian bercadang untuk memberikan satu penghargaan kepada mereka ini?

**Dato Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pesta Sukan Hari Kebangsaan yang diadakan oleh pihak Kementerian ialah selaras dengan matlamat Kementerian Belia dan Sukan iaitu untuk menggalakkan sukan untuk semua. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat sebentar tadi boleh kita ambil pertimbangan.

### PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

**3. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) rancangan Kementerian untuk menghadapi kehadiran para belia yang berumur dilingkungan 17-21 tahun yang menamatkan zaman persekolahan untuk menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat;
  - (b) apakah bentuk program yang dirancang untuk menyediakan para belia ini supaya menjadi warganegara yang berguna dan mempunyai penghayatan yang tinggi di dalam nilai-nilai sivik, muhibah dan sifat nasionalisme; dan
  - (c) tidakkah Kementerian bercadang untuk mengadakan rancangan pembangunan rohaniah untuk melahirkan generasi belia yang kuat semangat, stabil dari segi emosi dan mental serta berperibadi mulia.
- Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua,
- (a) Kementerian Belia dan Sukan amat menyedari bahawa golongan belia yang telah menamatkan alam persekolahan khususnya mereka yang berumur lingkungan 17-21 tahun perlu diberikan perhatian. Apa yang penting kepada golongan ini ialah masa lapang yang perlu diisi dengan kegiatan-kegiatan sebagai pengganti kepada aktiviti-aktiviti mereka semasa dalam alam persekolahan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan akan menumpukan program pembangunan belia dalam bidang berikut:
    - (i) Pembangunan perwatakan dan peribadi belia.
    - (ii) Program Latihan Kemahiran Vokasional.
    - (iii) Program Pembangunan Ekonomi Belia.
    - (iv) Program Rekreasi dan Ketahanan Diri.
  - (b) Bagi menyediakan para belia ini supaya menjadi warganegara yang berguna dan mempunyai penghayatan yang tinggi di dalam nilai-nilai sivik, muhibah dan sifat nasionalisme, Kementerian

Belia dan Sukan akan membina Pusat Bina Belia Nasional di setiap negeri bagi melatih belia ke arah pembentukan peribadi yang unggul secara berlerusan. Di samping itu Kursus-kursus Kepimpinan, Kem Musim Cuti, Kursus Kesedaran Kewarganegaraan akan diperbanyakkan di peringkat daerah.

- (c) Bentuk latihan dan kursus-kursus yang telah dinyatakan tadi akan merangkumi pembinaan rohaniah di dalam kurikulumnya. Di samping itu juga program-program Dakwah Islamiah juga akan diperbanyakkan lagi di semua peringkat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, adakah Kementerian memberikan penumpuan kepada belia-belia lepasan sekolah ini di samping memastikan kepada Pertubuhan-pertubuhan Pengakap Kelana dan berbagai-bagai pertubuhan sukarela di bawah Kementerian Belia, sama ada diberikan penekanan kepada pertubuhan ini untuk mengambil belia-belia lepasan sekolah ini yang telah pun melibatkan diri secara aktif di dalam pertubuhan-pertubuhan seumpama itu di sekolah-sekolah mereka? Umpamanya, kalau mereka aktif dalam St. John, Pasukan Kadet ataupun Pasukan Silat di sekolah, adakah Kementerian bercadang untuk mengambil mereka ini dan memastikan supaya mereka ini terus masuk ke persatuan-persatuan yang tersebut?

**Dato Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Perhatian dan penekanan akan diberi kepada murid-murid sekolah yang terlibat dengan persatuan yang beruniform di sekolah-sekolah.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tadi menjawab dalam usaha untuk menjalankan berbagai program sama ada program membentuk rohaniah dan sebagainya akan dilaksanakan pada masa akan datang. Bagi menentukan belia dan beliawanis kita sebagai warganegara yang berguna, saya ingin bertanya adakah Kerajaan lelah bersedia unluk menambahkan kakitangan pegawai-pegawai bagi kegunaan membentuk belia ini, sama ada pegawai itu bcrbentuk pegawai-pegawai dalam bidang ekonomi, dalam bidang agama kerana Kementerian ada menyebut persoalan mengenai rohaniah.

**Dato' Ismail bin Said:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai jumlah kakilangan, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian sedang mengkaji masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

#### KRISIS TELUK/PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM

**4. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejak berlakunya Krisis Teluk adakah Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Negara-negara Islam memainkan peranan di dalam menggesa pertubuhan ini untuk mengadakan persidangannya bagi menyelesaikan krisis tersebut. Jika ada, apakah ketetapan yang telah diambil oleh pertubuhan tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan yang sama semasa menjawab perlanyaan Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 6hb Disember, 1990 di Dewan yang mulia ini, jadi tidak ada apa-apa tambahan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum masuk ke Dewan tadi, saya berkesempatan membaca berita terakhir dalam *NewsScan Bernama*, dan berita terakhir tersebut ialah bahawa Iran sekarang ini sedang mengundang negara-negara Islam untuk satu persidangan bagi merumuskan satu formula damai. Dan mengikut berita tersebut, 10 buah negara Islam telah pun bersetuju. Adakah Malaysia termasuk salah satu daripada 10 ini? Jika pun belum, apakah pendirian Malaysia vis-a-vis inisiatif Iran tersebut?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sedang mengikuti perkembangan kini yang berlaku di Teluk, lebih-lebih lagi segala usaha yang dibuat untuk mencari penyelesaian politik untuk masalah peperangan di Teluk. Kita sedar beberapa buah negara berkaitan dengan Negara-Negara Berkecuali seperti Iran, Yugoslavia dan India sedang berusaha untuk mencari jalan keluar dari masalah peperangan Teluk. Kita sedang lihat dengan begitu teliti dan sudah tentu Kerajaan Malaysia ingin melihatkan peperangan ini dihentikan dengan secepat mungkin dan masalah tersebut diatasi secara rundingan. Dan sekiranya kita fikirkan ia boleh membawa kepada kejayaan ataupun membawa kepada kebaikan dari segi cari jalan keluar tentang masalah Teluk itu sudah tentu Malaysia tidak akan teragak-agak untuk menyertai anggota-anggota yang ingin jadi orang tengah tentang masalah peperangan di Teluk.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, bagi meneguh penyertaan Malaysia dalam usaha damai oleh negara-negara tersebut, adakah Malaysia akan menarik balik sokongan yang pernah diberi kepada keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menyerang Kuwait?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, usul tarik balik sokongan Malaysia terhadap Resolusi 678 tidak berkail dengan cara kita hendak menyelesaikan masalah Perang Teluk.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia sedang melihat dengan penuh teliti perkembangan berlaku di Teluk. Saya rasa tidak cukup sekadar melihat sahaja. Yang kita hendak tahu ialah sebagai sebuah anggota negara-negara Islam, apabila Perang Teluk telah meletus dan sekarang ini akibatnya akan menimbulkan akibat yang besar, bukan sahaja kepada negara Islam tetapi di seluruh dunia. Persoalannya apakah yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia sebagai sebuah negara anggota Islam selepas daripada Perang Teluk meletus baru-baru ini?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sedia maklum bahawa semasa belum peperangan lagipun Malaysia di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telahpun memainkan peranan yang penting sekali untuk mencari jalan keluar masalah Krisis Teluk melalui perundingan. Dan kini pun kita tidak kurang memainkan peranan dari segi ingin mewujudkan satu keadaan yang mana Malaysia sebagai negara yang boleh dianggapkan kawan kepada Iraq kepada Kuwait, Arab Saudi, sudah tentunya mudah diterima sebagai orang tengah sekiranya kita fikirkan ada usaha-usaha yang boleh membawa kepada hasil positif terhadap menyelesaikan masalah peperangan di Teluk. Insya Allah, kita yakin dengan pendirian Malaysia yang kita buat setakat ini, kita menduduki tempat yang paling baik sekali untuk menjadi orang tengah dalam mencari penyelesaian peperangan Kuwait dan

kita percaya dengan pendirian yang Malaysia buat setakat ini meletakkan kita ke tahap antara negara-negara yang paling sesuai sekali untuk menjadi pendamai kepada peperangan di Teluk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

### GURU-GURU DI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH— KEKURANGAN

**6. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah guru yang kurang di Sekolah Rendah Kebangsaan Melayu dan Sekolah Rendah Jenis Bantuan Cina pada tahun 1990. Bagaimana dengan keadaan kekurangan guru di Sekolah Rendah dan Menengah di Sarawak pada tahun 1990. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perangkaan keperluan tenaga guru, kekurangan guru di Sekolah Rendah pada tahun 1990 di seluruh negara di Sekolah Kebangsaan SRK adalah 6,371 dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah 4,369.

Bagi negeri Sarawak, berdasarkan kepada perbandingan antara jawatan yang diluluskan dengan bilangan guru yang ada di negeri Sarawak pada masa kini, tahun 1990, kekurangan guru di Sekolah Rendah di Sarawak ialah 2,325 orang manakala di Sekolah Menengah pula bilangan guru yang kurang ialah 812 orang.

Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti pada masa kini kita mengisikan tempat kekurangan guru itu dengan guru-guru sandaran, menambahkan lagi bilangan pengambilan calon-calon dari negeri Sarawak bagi memasuki Maktab Perguruan, yang saya pernah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, untuk tujuan tersebut, kelayakan mmima bagi calon-calon tempatan (di negeri Sarawak) telah diberikan pertimbangan di mana perlu, seperti Lulus Bahasa Malaysia dan Kepujian dalam matapelajaran yang tertentu.

Kita juga meneruskan program seperti Kursus Asas Dalam Cuti di Sarawak dan bilangan peserta kursus kita terus ditambahkan kursusnya.

Untuk menambahkan pengambilan calon-calon dari Sarawak untuk ditempatkan di Maktab-maktab Perguruan semenjak tahun 1989, kita telah menambahkan tempat-tempat yang dapat kita tambah ialah menggunakan tempat-tempat di Maktab Perguruan yang wujud di Semenanjung Malaysia. Dan kita juga menggalakkan guru-guru yang sedang berkhidmat untuk melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat universiti bagi memenuhi keperluan guru-guru siswazah.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan ratio guru: pelajar di SRK dibandingkan dengan SRJK?

Dan kedua, adakah keadaan yang teruk di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan, misalnya anak-anak saya belajar di sebuah SRJK(C) di sebuah Kampung Baru Batu II, Ceras yang ada dua sesi dan bilik darjah mereka ada 55 pelajar-pelajar. Saya ingin tahu adakah keadaan sekolah-sekolah anak Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sama dengan keadaan ini? Dan adakah keadaan ini telah pun....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Dr Kua Kia Soong: Sudah habis. Menggagalkan tujuan asas Sistem 3M yang hanya akan berkesan dalam keadaan ratio guru pelajar yang lebih tinggi.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin sebelum saya menjawab bahawa soalan ini adalah terlalu am, terkeluar daripada soalan asal tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan soalan seperti ini, saya boleh menjawab secara am. Bahawa nisbah-nisbah antara guru dengan murid tidak ada yang boleh dikatakan ideal mengikut keadaan matapelajaran dan pendekatan-pendekatan yang diamalkan dalam matapelajaran tertentu. Keduanya, kita menggunakan nisbah guru dengan bilik darjah, dan ini adalah kurang dari dua guru untuk satu darjah, Dari segi statistik ia boleh dikatakan memuaskan. Tetapi memang benar di mana keadaan-keadaan sekolah itu yang begitu popular, jadi sebab-sebab tertentu di mana kita terpaksa mengambil anak-anak murid lebih dari 40 atau 50 dalam satu kelas atau bilik darjah dan untuk mengatasinya di tempat-tempat yang perlu, kita mengadakan dua sesi.

Soal sama ada anak Menteri dan anak Yang Berhormat tidak dapat kemudahan dan tidak merasai begitu, saya ingat ini tidak haruslah disoal di dalam Dewan ini. Tetapi kerana telah ditimbulkan, saya katakan bahawa anak Menteri-menteri dan Timbalan Menteri pun ada di sekolah dua sesi juga.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah masalah kekurangan guru-guru ini akan diatasi memandangkan bahawa saya telah bertanya soalan ini pada penggal yang

lepas di mana kekurangan guru yang diberikan oleh pihak Kementerian adalah lebih kurang daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kekurangan guru ini akan diselesaikan pada tahun 1992. Nampaknya ini tidak akan berlaku. Jadi, saya hendak tahu bilakah masalah kekurangan guru ini akan diatasi?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini yang boleh dikatakan satu soalan hypothetical. Bila kita memberikan anggaran atau estimate bahawa jangkamasa kita dapat menyelesaikan masalah yang kita asaskan kepada keperluan yang wujud sekarang. Kalau kita tidak bertambah dalam enrolment, tidak beriambah sekolah dan semua fakta yang statistikal, dengan izin, saya boleh pastikan dengan kemasukan bilangan recruitment kita ke dalam Maktab Perguruan, memang kita jangkakan dalam dua tahun. Jadi, ini adalah satu jangkaan sahaja yang kita rasai sekarang ialah 2,500 berikutan dalam setahun, khususnya untuk negeri Sabah dan Sarawak. Di negeri Sarawak, kemasukan ke maktab perguruan adalah tidak kurang 1,100 orang dan dalam satu kali kemasukan dan kalau semua lulus dalam tiga tahun, kita akan boleh menambahkan 1,100 orang dari segi statistik. Tetapi apa yang kita dapai selepas kursus-kursus itu ada yang keciciran. Tambahan juga keperluan pada tahun yang ketiga itu nanti juga akan naik lagi dari segi anggaran keperluan bilik darjah dan kenaikan enrolment kita di sekolah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai masalah guru sandaran. Apa yang saya ingin tahu

ialah berapakah jutnlah guru sandaran sekarang ini? Apa yang kita tahu bahawa guru sandaran ini diadakan semenjak negara kita diserang oleh wabak inflasi. Saya kira persoalan ekonomi sekarang sudah pulih dan saya merasakan bahawa guru sandaran ini perlulah diserapkan kepada guru penuh. Saya ingin mengetahui bilakah penerapan itu akan berlaku dalam jawatan tetap icrhadap guru sandaran lersebut?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat tadi, keperluan guru sandaran bukan semata-mata berasas kepada ekonomi. Ia ada fakta-fakta yang lain seperti keperluan lenaga pengajar dan keperluan kenaikan enrolment kita tahun demi tahun.

Untuk menjawab soalan yang kcdua tadi bahawa kita selama ini lelah mengambil guru-guru sandaran untuk diserap dan dimasukkan menjadi guru tetap menerusi maktab perguruan asas dan juga menerusi kursus-kursus dalam cuti yang mengambil masa dalam dua tiga tahun untuk mereka lulus dan kursus-kursus tambahan yang lain untuk mereka yang layak dan telah menunjukkan minat untuk menjadi pendidik.

## TAMAN NEGARA GUNUNG GADING

**7. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa sebahagian dari Taman Negara Gunung Gading di negeri Sarawak dieksaiskan untuk matlamat mcmbalak kayu dan adakah kawasan seluas lebih dari 1,000 hektar tersebut akan diwartakan lagi sebagai Taman Negara, memandangkan bantahan hebat yang ditunjukkan oleh orang kampung di sekeliling Gunung Gading itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Jabatan Perhutanan Sarawak tidak ada mengeksaiskan sebahagian Taman Negara Gunung Gading untuk tujuan pcmbalakan. Mengenai kawasan seluas lebih dari 1,000 hektar yang dikatakan itu tidak akan diwartakan lagi.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan Menteri di suratkhbar pada hari ini bahawa krisis kemarau di Melaka diakibatkan oleh kehancuran hutan yang juga kawasan tadahan ataupun catchment untuk Melaka. Adakah pengakuan ini menunjukkan bahawa Menteri Perusahaan Utama telahpun berdusta mengenai keadaan kehancuran hutan di Sarawak, Sabah dan lain-lain tempat di negara kita?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa soalan Yang Berhormat telahpun terpesong dari soalan asal.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan lagi. Adakah betul bahawa kawasan Gunung Gading itu diisytiharkan sebagai Taman Negara pada tahun 1982 dengan saiz kawasannya seluas 4,000 hektar lebih dan pada lahun 1986 satu tindakan sudah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengeksaiskan lebih kurang 1,000 hektar sebagai kawasan untuk membalak kayu yang kemudian ianya dikonsesikan kepada sebuah syarikat bernama Syarikat San Yang Lumber untuk tujuan membalak kayu. Adakah itu betul atau tidak, sebab saya sudah bekerja di situ hampir enam bulan dan saya memang tahu keadaan iiu.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi ialah

kawasan dalam bantahan yang dimaksudkan tadi ialah milik petani-petani dan ini di luar daripada Taman Negara Gunung Gading. Jadi dengan sebab itu pembalakan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dibekukan buat masa ini.

## BANTUAN KEPADA PALESTIN DAN AFGHANISTAN

8. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang dan bentuk bantuan lain yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia untuk Kongres Kcbangsaan ACrika (ANC) bagi melepaskan tneraka dari belunggu apartheid regim kulit putih Afrika Selatan;
- (b) jumlah wang dan bentuk bantuan lain yang diberikan kepada pejuang rakyat Palestin sehingga sekarang; dan
- (c) jumlah wang dan bentuk bantuan lain yang diberikan kepada Mujahidin Afghanistan.

### Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che

**Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi (a) jawapan tersebut telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng dari kawasan Bukit Bendera pada 2.1.1991.

Bagi (b), Pcjabat Palestin telah dibuka secara rasmi pada 2Shb April 1969 dan pada tahun 1977 Kerajaan Malaysia telah memberikan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) menyediakan sebuah pejabat, mulanya di Jalan Tun Ismail kemudian dipindahkan ke Jalan U Thant pada bulan Jun 1983;

- (ii) bayaran bil air dan elektrik tidak melebihi \$300 sebulan; dan

- (iii) sebuah Mercedes Benz 200 telah diberikan untuk kegunaan rasmi.

Sementara itu sebuah Tabung Rakyat Palestin telah dibentuk pada 15 Januari 1988 setelah berlakunya "Intitada" untuk membantu rakyat Palestin di kawasan yang diduduki oleh Israel. Sehingga kini sebanyak \$1,078,011.12 telah dipungut dan daripada itu sebanyak \$833,890 telahpun diberikan kepada Kerajaan Palestin. Baki terakhir Tabung tersebut adalah sebanyak \$244,521.12.

Selain daripada Tabung tersebut, Kerajaan telah memberi sumbangan tahunan kepada United Natipns dan Works Agency for Palestinian Refugees (UNRWA) untuk bantuan peri kemanusiaan terhadap pelarian Palestin di Timur Tengah.

Bantuan tersebut adalah sebanyak US\$5,000 setahun dan sejak tahun 1989 sebanyak US\$10,000 telahpun didermakan.

Di samping sumbangan-sumbangan yang dinyatakan di atas, rakyat Malaysia dengan murah hati telah menderma sebanyak \$284,573.09 untuk pembinaan sebuah sekolah serta kelengkapannya bagi kanak-kanak Palestin di Lebanon. Kutipan ini dilakukan ketika 58 kanak-kanak Palestin melawat Malaysia pada 7hb Julai hingga 17hb Ogos, 1990.

- (c) Isu Afghanistan seperti isu Palestin juga sentiasa mendapat perhatian penuh oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Untuk membuktikan sokongan kita kepada perjuangan rakyat Afghanistan dan melambangkan perpaduan dengan umat

Islam yang tertindas, Malaysia telah merestui penubuhan Pejabat Wakil Mujahidin dan telahpun dirasmikan oleh Menteri Luar Negeri pada 4hb Mei, 1984. Kerajaan selanjutnya menyediakan sebuah rumah Kerajaan untuk dijadikan pejabat serta kediaman wakil Mujahidin. Pejabat ini dilengkapi dengan perabot-perabot, telefon, telex untuk perhubungan mereka dengan Ibu Pejabat mereka di Peshawar, Pakistan. Kerajaan juga menampung sebahagian daripada perbelanjaan mengurus, kelengkapan pejabat dan rumah seperti bekalan elektrik, air dan kegunaan telefon yang tidak melebihi \$1,000 sebulan. Kerajaan juga telah menyediakan sebuah kenderaan rasmi untuk kegunaan pejabat.

Ketika Mujahidin mengumumkan penubuhan kerajaan sementara, Malaysia telah mengiktiraf Kerajaan tersebut pada 12hb April. Selain daripada Malaysia, Arab Saudi, Sudan dan Baharin juga telah memheri pengiktirafan yang sama. Dalam usaha-usaha membantu mangsa-mangsa perang Afghanistan, satu tabung kebajikan pelarian Afghanistan ditubuhkan pada tahun 1984 di bawah kelolaan Wisma Putra. Semanjak ianya ditubuhkan, sebanyak \$10,449.50 telah pun di-dermakan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, iaitu berkenaan bahagian (b), Sekarang ini jelas dan terang perjuangan rakyat Palestin atau PLO di bawah pimpinan Yasser Arafat

telah menyokong Iraq sedangkan Malaysia tidak menyokong Iraq. Apakah sikap Kerajaan Malaysia sekarang ini terhadap PLO?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kerajaan Malaysia masih lagi menyokong perjuangan PLO untuk membebaskan Palestin.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan (b) dan (c) iaitu bantuan lain, adakah Kerajaan ingin membenarkan pihak-pihak tertentu yang ingin secara sukarela pergi berjuang bersama dengan rakyat Palestin dan juga Mujahidin di Afghanistan dalam jangka masa sekarang?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita Kerajaan yang terbuka, yang bebas dan demokratik. Kita tidak boleh menahan ataupun memaksa sesiapa membuat apa sahaja yang mereka ingin hendak buat. Cuma sekadar untuk nasihat itu kita boleh dan kita akan nasihat mereka itu pada masa dan ketikanya bila perlu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang Russia telah berundur dari Afghanistan dan Mujahidin masih belum berjaya membentuk negara yang mereka hndaki. Apakah Kerajaan Malaysia akan terus membantu Mujahidin sekarang?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Jawabnya, ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada (a), bantuan kewangan adalah penting tetapi juga sokongan moral amat penting dalam perjuangan seperti ini. Adakah Kerajaan sedar bahawa kesedaran dan simpati rakyat Malaysia kepada perjuangan menentang apartheid adalah kecil jika

dibandingkan dengan kesedaran dan simpati kepada perjuangan Palestin dan Mujahidin, Afghanistan. Jika Kerajaan scdar, adakah apa-apa lagi rancangan untuk meningkatkan kesedaran rakyat. Sebagai contohnya, selain daripada memperkenalkan Nelson Mandela sebagai tokoh perjuangan, adakah kita tidak ingin memperkenalkan tokoh-tokoh yang lain. Sebagai contoh, seorang tokoh yang berketurunan Melayu, yang berbangsa Melayu iaitu Imam Harun yang telah mati menjadi mangsa deraan dan seksaan di dalam tahanan di Afrika Selatan. Riwayat beliau ini jelas digambarkan di dalam buku yang bertajuk "The Killing of the Imam". Adakah rancangan seperti ini ada di pihak Kerajaan?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia menyokong perjuangan untuk menghapuskan apartheid, lebih kurang sama kuat, sama hebat kita menyokong masalah perjuangan Mujahidin ataupun pihak Palestin. Sesungguhnya kita daripada awal-awal lagi telah menunjukkan pendirian yang tegas terhadap kita marah dan benci kepada regim apartheid di Afrika Selatan. Kita memang membuka ruangan untuk menerima kunjungan-kunjungan daripada pemimpin pejuang-pejuang ANC atau African National Congress ataupun pemimpin-pemimpin yang lain yang telahpun tertindas di Afrika Selatan dan sudah tentu kita akan membuat program-program tertentu bagi memperhebatkan lagi semangat dan sokongan kita dari aspek masyarakat umum negara kita ini untuk menyokong menghapuskan apartheid di Afrika Selatan dan kita juga akan menjemput bila masa yang perlu dan sesuai mereka yang difikirkan boleh dibawa demi kita memperjuangkan untuk menghapuskan apartheid.

## LALUAN KEDUA JOHOR-SINGAPURA—PEMBINAAN

**9. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa pihak yang telah mengemukakan tawaran sebuhaiga kepada kemajuan untuk projek pembinaan tambak kedua Johor dan nyatakan nilai tawaran masing-masing; dan
- (b) pihak manakah yang berjaya mendapatkan tender pembinaan tambak tersebut dan apakah kriteria pemilihannya.

**Menteri Kerja Raya (Datuk Loe Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) Kerajaan telah menerima satu cadangan sahaja, iaitu daripada Syarikat United Engineers Bhd. untuk melaksanakan projek pembinaan laluan kedua dari Johor ke Singapura secara penswastan; dan
- (b) cadangan untuk melaksanakan projek ini secara penswastan daripada UEM telah diterima oleh Kerajaan berasaskan kepada dasar 'yang dahulu didahulukan'. Pihak UEM telah dibenarkan membuat kajian dan diberi hak eksklusif untuk mengemukakan cadangan penswastan kepada Kerajaan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pembinaan tambak kedua Johor ini tidak dibuat secara tender terbuka, cuma diminta sebut harga?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan polisi penswastan,

Kerajaan membentuk dan mengambil dua cara. Cara yang pertama, sekiranya ada pihak-pihak swasta yang berminat yang mengemukakan cadangan untuk melaksanakan penswastan itu, Kerajaan boleh menerimanya berasaskan kerana pihak-pihak swasta iitu mengemukakan cadangan. Dari segi pelaksanaan penswastan laluan kedua Johor ke Singapura ini ialah satu projek yang menetap dari segi pelaksanaan penswastan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah kos pembinaan uniuik laluan kedua Johor Bahru dan Singapura ini. Kedua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan bahawa konsep "yang dahulu didahulukan" menyebabkan UEM mendapat tender atau mendapat tawaran untuk membina tambak kedua Johor ini. Tetapi seperti semua orang difahamkan bahawa cadangan untuk membina laluan kedua tambak Johor Baru dan Singapura adalah berikutan satu janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa pilihanraya kecil Johor Bahru.

Oleh sebab itu saya tidak faham bagaimana "first come first served basis" ini boleh dilaksanakan. Kalau cadangan yang lebih awal telah dibuat, mengapakah satu tender terbuka tidak boleh dibuat kerana ini bukan "first come first served basis", ini satu cadangan, satu janji yang telah dibuat lebih awal lagi pada masa pilihanraya kecil diadakan pada tahun 1988.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat dari Kota Melaka ada silap sedikit. Saya menerangkan apa yang akan dibina ialah laluan kedua. Kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk membina tambak kedua. Ada perbezaan sedikit. Kita cuma bercadang untuk mengadakan laluan kedua dan tidak membinakan tambak kedua. Oleh itu, anggapan Yang Berhormat itu

bahawa projek ini telah ditcrangkan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebelum pilihanraya kecil di Johor Bahru tidaklah betul.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Periua, baru-baru ini ada laporan yang menyalakan pihak yang mencadangkan pembinaan tambak kedua Johor itu juga akan mencadangkan bersama-sama dengan penswastan tambak iitu satu pelabuhan. Adakah ini benar? Jika ianya benar, adakah Kerajaan berpendapat dari perancangannya sendiri pelabuhan yang ingiri dibina bersama lambak tersebut memang diperlukan di kawasan itu. Jika memang perlu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menentukan Pelabuhan Pasir Gudang tidak terjejas, baik daripada tambak kedua itu mahupun daripada pembinaan pelabuhan yang baru yang hendak dibina bersama dengan tambak tersebut?

**Datuk Leu Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa ada suatu cadangan untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan suatu lagi pelabuhan baru di Johor selain dari yang telah ada di Pasir Gudang sekarang. Dalam mengkaji kemungkinan ini semua segi termasuk kemungkinan kegunaan Pasir Gudang dan sebagainya memang letap diambil-kira. Pada setakat sekarang belum ada keputusan yang muktamad mengenai adakah pelabuhan yang baru ini perlu dibina atau tidak yang mana ianya masih dalam peringkat kajian.

Yang keduanya bagi menjawab soalan tambak atau tidak tambak ini, saya sukalah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, saya difahamkan bahawa perkataan "lambak" itu bermakna ianya ada causeway, dengan izin. Jadi, Kerajaan tidak bercadang untuk membangunkan suatu lagi causeway di Johor.

## MENANAM PADI DI CHINA

**10. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapa Kerajaan bercadang menyewa tanah di negeri China untuk menanam padi, pada halnya di negeri kita sendiri terdapat tanah sawah terbiar yang luas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan untuk menanam padi di negeri China, Yang Berhormat Menteri Pertanian telahpun menjelaskan perkara ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 16hb Januari yang lalu.

Walau bagaimanapun, suka ditegaskan sekali lagi bahawa pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menyewa tanah di negeri China bagi tujuan menanam padi. Jika sekiranya terdapat pihak swasta yang berminat, maka mereka bolehlah mengkaji kemungkinan ini.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Kerajaan tidak berminat hendak menanam padi di negeri China, bolehkah Kerajaan menghala ke negeri Sarawak untuk menanam padi? (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, keutamaan akan diberi tentang penanam padi dalam Malaysia, termasuklah di Sarawak.

## GURU MENGALAMI PENYAKIT JIWA

**11. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilangan guru-guru yang disahkan mengalami penyakit jiwa mengikut pecahan negeri;

(b) apakah langkah yang telah diambil untuk melindungi murid-murid sekolah dari menjadi mangsa mereka; dan

(c) bilangan guru-guru yang melakukan jenayah-jenayah termasuk mencederakan serta merogol, terhadap murid-murid sekolah serta bilangan mangsa-mangsa dalam tiap-tiap tahun 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Bilangan guru yang disahkan oleh pihak berkuasa perubahan yang mengalami penyakit sakit jiwa ialah seramai 164 orang. Mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Pahang	Tiada
Sabah	1
Terengganu	1
Perlis	3
Kedah	7
Pulau Pinang	7
Negeri Sembilan	9
Johor	10
Selangor	11
Wilayah	13
Persekutuan	
Melaka	17
Kelantan	21
Sarawak	24
Perak	40
	<hr/>
Jumlah	164
	<hr/>

Ini adalah merupakan 0.09% sahaja daripada bilangan guru pada keseluruhannya.

(b) Langkah-langkah yang di-ambil oleh Kementerian ialah:

- (i) memberi tugas-tugas ringan di luar bilik darjah kepada guru-guru yang berkenaan;
- (ii) menggalak dan membantu mereka mendapatkan rawatan perubatan dengan segera;
- (iii) memberi mereka kebenaran cuti sakit selaras dengan Perintah Am;
- (iv) mendapatkan guru ganti sementara guru berkenaan bercuti; dan
- (v) menamatkan perkhidmatan guru berkenaan melalui proses persaraan.

(c) Di antara tahun 1986-1990 terdapat 25 kes guru-guru yang telah dibuang kerja kerana melakukan jenayah. Di dalam tahun 1986 terdapat 3 kes; 1987 6 kes; 1988 2 kes; 1989 8 kes dan tahun 1990 6 kes.

Kesalahan-kesalahan mereka ini adalah mencuri, pecah amanah, memalsukan dokumen, membuat tuntutan palsu, menyalahgunakan dadah dan mencabul kehormatan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan guru-guru berkenaan mengalami penyakit jiwa, sama ada tekanan kerja atau work pressure yang menjadi punca ulama?

Yang kedua, sekiranya guru-guru berkenaan yang mengalami penyakit jiwa ini merupakan satu ancaman kepada murid-murid, apakah sebabnya mereka tidak dipecat?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab seorang mengalami sakit jiwa adalah banyak. Kalau kita melihat dari segi angka-angka yang kita sahkan di sini di kalangan guru adalah sepertimana yang kita dapati dalam masyarakat biasa. Jadi, tidak boleh dikatakan tekanan seorang bekerja sebagai guru telah menjadi satu sebab.

Keduanya, masalah di mana Yang Berhormat telah nyatakan di mana mereka ini adalah menjadi ancaman kepada murid-murid di sekolah, kita mengambil perhatian. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa tekanan sakit jiwa adalah berbagai coraknya. Ada yang kita perlu bila merawat orang yang kena tekanan sakit jiwa ini adalah untuk kebaikan mereka dan untuk keselamatan orang yang di sekeHHngi mereka, seperti di bilik darjah. Ini dapat disahkan dari segi corak sakit jiwa itu dan pegawai-pegawai perubatan atau psychiatrist itu dapat memastikan apakah langkah harus diambil untuk mereka ini. Saya telah nyatakan tadi kita memberi persaraan atau memberi kerja ringan, mengikut keadaan sesuai kepada tekanan jiwa mereka itu.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Berhubung dengan soalan (a), bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan mengikut jantina?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Perlua, saya tidak ada angka seperti itu, maaf.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

apakah murid-murid yang telah menjadi mangsa kepada jenayah, khususnya jenayah rogol, adakah mereka ini diberi kaunseling atau lain-lain khidmat bagi membantu murid-murid itu menghadapi kesan jenayah tersebut?

**Dr Leo Michael Toyad:** Ada, Tuan Yang di-Pertua.

### MISC—PEMEGANG SAHAM

**12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara berikut mengenai Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC);

- (a) siapakah pemegang-pemegang saham utama MISC dengan menyatakan peratusan ekuiti pegangan mereka;
- (b) jumlah kapal kepunyaan MISC; dan
- (c) prestasi MISC termasuk dari segi untung/rugi dalam tempoh lima tahun terakhir 1985-1990.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kedudukan peratusan ekuiti pada 4hb Januari, 1991 bagi 10 pemegang-pemegang saham utama MISC ialah seperti berikut:

Pemegang Saham	Peratusan Ekuiti %
1. Bank Negara Malaysia	29.34
2. Hongkong & Shanghai Bank (Singapore) Nominees (Pie.) Ltd.	4.71
3. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	4.25
4. Chase Manhatlan (Singapore) Nominccs (Pie.) Ud.	4.14

Pemegang Saham	Peratusan Ekuiti %
5. Pemegang Amanah Raya Malaysia-Skim ASN	3.37
6. Frank Tsao & Co. Ltd.	3.21
7. Kerajaan Negeri Pahang	3.2
8. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	3.2
9. Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	3.2
10. Kerajaan Negeri Sabah	3.2

- (b) Pada masa ini, MISC mempunyai sejumlah 49 buah kapal.

- (c) Dalam tahun 1985, MISC memperolehi hasil kendalian sebanyak \$974.4 juta dan dalam tahun 1989 jumlah ini telah meningkat kepada \$1,575.3 juta. Keuntungan sebelum cukai MISC bagi tahun 1985 hingga tahun 1989 ialah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (Juta \$)
1985	163.1
1986	243.1
1987	288.3
1988	391.6
1989	432.7

Bagi enam bulan pertama tahun 1990, MIC memperolehi hasil kendalian sebanyak \$759.8 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak \$230.2 juta.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada Krisis Teluk yang telahpun meletus, berapakah agaknya kerugian yang akan dialami oleh MISC dalam tempoh satu bulan? Dan jika perang ini terus berlaku sekiranya dalam tempoh setahun, berapakah kerugian tahunan yang akan dialami oleh MISC?

**Dato Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kesannya belum dapat diketahui lagi.

**Datuk Monggoh Orow:** Soalan tambahan. Bilakah MISC akan mengeluarkan dividen kepada pemegang sahamnya?

**Dato Wong See Wah:** Bukankah dividen ini telah dikeluarkan kepada pemegang seperti yang telah dilakukan? (*Ketawa*)

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 49 buah kapal MISC, saya ingin tahu berapakah kapal yang telah dibina khas untuk pengeksportan gas cecair asli? Dan adakah benar baru-baru ini MISC cuba secure, dengan izin, kontrak mengeksport gas cecair asli daripada PETRONAS tetapi pada akhirnya kerja-kerja pengeksportan ini diberikan kepada kapal-kapal daripada luar negeri?

**Dato Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang sekali lagi soalan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 49 buah kapal yang dinyatakan sebentar tadi, saya ingin tahu, berapakah jenis kapal yang dibina khas untuk mengeksport gas cecair asli? Dan benar atau tidak MISC tahun lalu cuba secure, dengan izin, kontrak mengeksport gas cecair asli dari PETRONAS tetapi pada akhirnya kerja-kerja pengeksportan ini diberikan kepada syarikat perkapalan dari luar negeri?

**Dato Wong See Wah:** Untuk soalan yang pertama itu, saya tidak dapat beri jawapan sekarang. Tetapi untuk soalan yang kedua, oleh kerana saya rasa MISC ini hendaklah mengikut jadual perkapalan perkhidmatan yang tertentu.

maka olch kerana itulah dari segi mendapat keuntungan yang maksima bagi MISC, MISC terpaksa menguruskan perniagannya dengan syarikat-syarikat swasta yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan G. Palanivel.

(*Soalan No. 13 Y.B. Tuan G. Palanivel tidak hadir*)

## JALAN KEPONG, KUALA LUMPUR—MEMPERBAIKI

**14. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan meluluskan permohonan pihak Jabatan Kerja Awam dan Lalulintas, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memperolehi \$20 juta bagi memperbaiki Jalan Kepong di bawah Rancangan Malaysia Keenam atau tidak. Jika ada, apakah jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya kurang daripada jumlah yang diminta, mengapa. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan daripada semasa ke semasa. Jika juga tidak, maka, bagaimanakah Kerajaan bercadang DBKL melaksanakan projeknya dengan baik di bawah keadaan serba-serbi kekurangan wang; dan
- (b) adakah DBKL akan menerima peruntukan secara terus-menerus atau secara tidak langsung daripada Jabatan Kerja Raya.

Jika permohonan tidak diluluskan, mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memohon peruntukan sebanyak \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk memperbaiki jalan Kepong dari jalan berkembar dua lorong ke jalan berkembar tiga lorong sejauh 7.46 kilometer untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas serta perparitan di sana. Permohonan ini masih belum diluluskan dan di dalam pertimbangan dan kajian Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya peruntukan yang diberi tidak mencukupi untuk menyambung kerja-kerja projek ini, peruntukan tambahan akan dipohon oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan ianya akan dikaji dan diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima peruntukan terus-menerus daripada Pcrbendaharaan Malaysia setelah mendapat kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pemberian penyelenggaraan kepada jalanraya Kuala Lumpur tidak mencukupi dan pada tahun ini diberikan hanya \$20 juta untuk seluruh jalanraya Kuala Lumpur dan ini merupakan satu pemberian yang sangat kurang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita hendak menyelenggarakan jalan di Kuala Lumpur ini, sekurang-kurangnya \$50 juta diperlukan? Dan adakah, Yang Berhormat sedar lagi bahawa bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Kepong untuk melancarkan projek Bandar Menjelara bagi kempen pilihanraya, dia sudah mengumumkan bahawa dia janji \$20 juta akan diperuntukkan untuk projek memindahkan jalan tersebut?

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soal

pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang-tah dibuat tetapi setiap projek itu perlu dikaji kerana ia melibatkan kewangan negara. Dan seperti saya sebutkan bahawa sebarang perancangan atau permohonan untuk kelulusan projek mesti mendapatkan kajian, mesti dikaji dahulu oleh Unit Perancang Ekonomi. Saya sedar bahawa peruntukan untuk memperbaiki jalan seluruh Kuala Lumpur sebanyak \$20 juta tidak mencukupi. Bagaimanapun, seperti la/imnya setiap tahun dari 10 atau 15 tahun yang lalu sehingga hari ini sebarang kekurangan akan terus mendapat perhatian dari pihak Unit Perancangan Ekonomi dan daripada Pcrbendaharaan Malaysia.

#### **DUTA-DUTA BESAR DISAMBUNG SEMULA PERKHIDMATAN**

**15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan/jumlah Duta-duta Besar disambung semula tempoh perkhidmatan mereka selepas tempoh persaraan wajib. Kenapakah mereka yang telah bersara ini masih dilantik menjadi Duta Besar. Adakah mereka ini mempunyai kelayakan yang istimewa atau Kementerian tidak mempunyai pegawai-pegawai yang layak untuk dilantik kejawatan tersebut. Jika tidak layak apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melatih mereka menjadi bakal duta; dan
- (b) adakah Kementerian mem-peruntukkan sekali seumur hidup lawatan percuma ke Malaysia kepada kakitangan sambilan tempatan yang telah berkhidmat melebihi 25-30 tahun

dengan Kedutaan/Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri. Jika ada, berapa ramai yang telah menikmati kemudahan tersebut dan jika tiada adakah Kerajaan akan memperuntukkan lawatan tersebut memandangkan mereka telah berkhidmat begitu lama dengan Kerajaan Malaysia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Duta Besar yang telah disambung semula tempoh perkhidmatan selepas bersara wajib dan sedang berkhidmat sekarang ialah 7 orang. Kementerian Luar Negeri sentiasa terdapat cukup pegawai yang layak untuk mengisi jawatan Duta Besar. Namun demikian, dari masa ke semasa Kementerian ini mendapati perlu disambung semula perkhidmatan sebilangan Duta-Duta Besar yang sudah bersara kerana kepakaran dan pengalaman luas mereka diperlukan untuk mengendalikan hal-hal perhubungan luar Malaysia dengan negara-negara yang tertentu.
- (b) Buat masa ini tidak terdapat peruntukan khusus yang memberi kemudahan lawatan percuma untuk melawat Malaysia oleh Kakitangan Ambilan Tempatan yang berkhidmat 25-30 tahun dengan Kedutaan/Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun semasa perayaan Ulang Tahun Jubili Perak Hari Kebangsaan Malaysia pada 31.8.1982, Menteri Luar ketika itu yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa sambutan perayaan tersebut telah mengundang semua kakitangan Ambilan Tempatan yang

berkhidmat selama 20 tahun ke atas di Perwakilan Luar Negeri untuk menghadiri perayaan tersebut sebagai tetamu Kerajaan. Daripada 16 orang Kakitangan Ambilan Tempatan yang layak diundang cuma 12 orang sahaja yang menerima jemputan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan bagi Jawab Mulut melainkan soalan No.5 dan 13 telahpun dikemukakan. Sekarang saya rujuk kembali kepada soalan No.5. Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

#### PERUNTUKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

**5. Tuan Maidom P. Pansai** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa berdasarkan kepada perjanjian ketika Sabah dan Sarawak menjadi rakan (Partnership) dalam pembentukan Malaysia dahulu di mana dinyatakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memberikan peruntukan yang diperlukan oleh kedua-dua negeri itu untuk projek pembangunan berasaskan kedudukannya dalam Persekutuan Malaysia (sama ada ia dalam komponen Barisan Nasional atau di luar, itu bukanlah syarat atau ukurannya):

- (a) adakah perjanjian itu masih diambil perkiraan oleh pihak Kerajaan. Kalau tidak, mengapa. Kalau ia, maka mengapakah peruntukan Ahli-ahli Parlimen PBS yang disalurkan menerusi Jabatan Pembangunan Negeri ditarik balik dengan serta merta bila PBS menarik diri daripada Barisan Nasional pada tanggal 15.10.1990; dan

- (b) adakah Kerajaan meneruskan pemberian peruntukan untuk projek-projek pembangunan yang biasanya diberikan kepada Kerajaan Sabah pada setiap tahun selama ini menerusi Jabatan Pembangunan Negeri. Kalau tidak, mengapa sedangkan negeri Sabah meskipun di luar Barisan Nasional tapi ianya masih tetap dalam Persekutuan Malaysia dan sebahagian daripada Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peruntukan pembangunan untuk negeri Sabah akan diteruskan sebagaimana hasrat Kerajaan untuk membangunkan setiap negeri dan memenuhi aspirasi rakyat seluruhnya. Penarikan balik peruntukan ini tidak timbul langsung. Apa yang berlaku peruntukan tersebut diagihkan ke kawasan-kawasan luar bandar yang benar-benar memerlukan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sebagainya.
- (b) sejak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan sentiasa mengamalkan pemerintahan berdemokrasi demi untuk menegakkan keadilan kepada semua rakyat Malaysia. Peruntukan untuk melaksanakan projek pembangunan akan diteruskan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu dengan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Soalan tambahan. Adakah itu menunjukkan bahawa pada tahun ini Ahli-ahli Parlimen daripada PBS jua akan dapat menerima peruntukan khas Parlimen

yang mana di suatu masa dahulu apabila kita keluar daripada BN ianya telah ditarik. Tadi dikatakan bahawa tidak ada penarikan melainkan diteruskan. Jadi adakah itu menyatakan bahawa peruntukan khas itu diteruskan pada tahun ini juga.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Kalau PBS tidak gopoh dulu, sudah senang jalannya. Tetapi oleh kerana PBS gopoh, buat silap!

Tuan Yang di-Pertua, cara penggunaan peruntukan ini sebenarnya disediakan untuk projek-projek kecil berasaskan kepada keperluan diberikan kepada semua kawasan Parlimen. Dan ia terpaksa dicadangkan untuk dilaksanakan kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Projek-projek yang diluluskan berdasarkan kriteria tertentu akan dilaksanakan oleh agensi-agensinya pelaksanaan yang berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat-Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut telahpun cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.13 adalah diberi di bawah ini).*

#### TAHANAN ATAS BANTUAN REMAND

**13. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa lamakah tempoh purata penahanan banduan (remand prisoner) sebelum ianya dimasukkan ke penjara ataupun dibebaskan oleh Mahkamah; dan siapakah banduan yang paling lama ditahan di negara ini dan berapa lamakah beliau ditahan. Apakah yang menyebabkan penahanan yang begitu lama.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jangkamasa purai penahanan ke atas 'remand prisoner', dengan izin, ialah 1 tahun 3 bulan.

Banduan Remand yang paling lama di tahan di negara ini ialah Chandi anak Ganya @ Lenex anak Ganya yang sekarang masih ditahan di Penjara Pusat Miri, Sarawak. (Dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan). Banduan tersebut telah ditahan selama 11 tahun 10 bulan.

Sebab utama ianya ditahan begitu lama ialah kerana banduan tersebut telah beberapa kali terpaksa dimasukkan ke Hospital Sakit Jiwa di Kuching, Sarawak kerana ia telah mengalami sakil jiwa. Pembicaraan ke atasnya telah beberapa kali terpaksa ditangguhkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kesembilan*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasd*)

**Maksud B.26 dan B.27 (Jadual)—**

**Maksud P.26 dan P.27 (Anggaran Pembangunan 1991)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung.

5.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada 21-1-1991 yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Kemang yang telah menyarankan supaya kualiti universiti dan prestasi pensyarah dipertingkatkan khususnya melalui aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan.

**Penyelidikan dan Pembangunan—**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti telah diberi peruntukan penyelidikan dan pembangunan yang besar bagi membolehkan pensyarah-pensyarah menjalankan lebih lagi penyelidikan yang boleh menyokong pembangunan negara. Tambahan lagi keupayaan dalam bidang penyelidikan . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Kepong bangun.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak cukup masa nanti.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Okay, sila teruskan.

**Dr Fong Chan Onn:** Tambahan lagi keupayaan dalam bidang penyelidikan adalah salah satu daripada asas utama dalam mempertimbangkan seseorang ahli akademik dimajukan ke peringkat jawatan Professor Madya dan Professor.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang maklum, kerana dia seorang bekas Professor tetapi mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP tidak maklum kerana kalau maklum mereka salah tafsir. Sebelum seorang ahli akademik atau pensyarah dinaikkan peringkat ke jawatan Professor Madya atau Professor...

**Dr Tan Seng Giaw:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Dr Tan Seng Giaw:** Peraturan Mesyuarat 36 (6).

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, 36 (6). Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk. Sila bacakan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Seseorang itu tidak boleh meluahkan sangkaan jahat.

**Dr Fong Chan Onn:** Itu bukan sangkaan jahat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, biar saya buat keputusan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, dia sangka jahat kerana dari segi pendidikan tahun 1989, universiti-universiti peruntukan untuk penyelidikan hanya \$8 juta. Walhal kalau berbanding dengan tahun yang lepas lebih \$20 juta. Itulah dia salah, Dia sendiri salah tafsir, salah anggap.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak payahlah berhujah, biar saya buat keputusan. Saya rasa 36 (6)

itu tidak kena. Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *(Ketawa)*

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebelum seorang pensyarah boleh dinaikkan pangkat ke jawatan Professor Madya atau Professor beliau haruslah mendapati laporan penilaian yang cemerlang dari tiga atau empat pakar rujuk dari luar negeri. Dan penilai itu adalah berasas kepada penerbitan jurnal-jurnal antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang juga telah merayu supaya peruntukan bagi pendidikan rendah ditambah kerana peruntukan yang diberi sekarang tidak mencukupi. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memberi peruntukan khas kepada semua sekolah kekurangan murid.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan kepada semua sekolah telahpun ditambah mulai tahun 1990 bantuan perkapita telahpun ditambah untuk menambah pihak sekolah menguruskan hal-hal pentadhiran, kemudahan pengajaran, memperbaiki bangunan dan keadaan sekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam telah membangkitkan perkara tentang pendidikan pra-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan pra-sekolah memang diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-undang Pendidikan yang baru. Kementerian Pendidikan berhasrat menyediakan kemudahan pra-sekolah di kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan tersebut.

Berkaitan dengan kedudukan sekolah yang retak di Seksyen 17 Shah Alam, Kementerian Pendidikan mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan akan mengatasi perkara tersebut secepat mungkin.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan supaya menambah bangunan asrama bagi menampung pelajar-pelajar Sekotah Menengah Vokasional Kelang, adalah dimaklumkan bahawa semua Sekolah Menengah Vokasional bukanlah sekolah berasrama penuh. Nisbah murid yang tinggal di asrama ialah 70% sahaja. Sejak dibina Sekolah Menengah Vokasional Kelang telah mengalami beberapa tambahan bangunan untuk kursus pendek dan di bawah projek peningkatan. Buat masa ini didapati ruang kawasan untuk membina asrama tambahan adalah terhad. Majoriti pelajar yang tinggal di luar asrama adalah pelajar tempatan.

Berhubung dengan masalah kekurangan tenaga perkeranian dan kakitangan di sekolah-sekolah hingga menyebabkan ada guru besar terpaksa membuat kerja-kerja kerani dan tukang kebun, masalah tersebut mungkin berlaku di sekolah-sekolah yang digambarkan sebagai under-enrolled yang tidak dibekalkan dengan kakitangan sokongan seperti kerani sementara.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, walaupun teks disediakan, jangan baca laju sangat, nanti penat. Perlahan sedikit, kami hendak dengar sama.

**Tuan Pengerusi:** Jangan buat ulasan, Yang Berhormat. Hendak buat penjelasan atau point of order.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kami tak sempat dengar.

**Dr Fong Chan Onn:** Tak cukup masa.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya kesian tengok, pcnat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr Fong Chan Onn:** Di sekolah-sekolah lain kekurangan tenaga perkeranian dan tukang kebun adalah bersifat sementara sahaja.

Unlук makluman Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, perlantikan seseorang pensyarah ke peringkat Profesor Madya dan Profesor adalah berasaskan kepada kriteria yang tertentu tanpa dipengaruhi oleh latarbelakang fahaman politik. Di sini saya ingin menegaskan bahawa dalam kenaikan pangkat atau perlantikan seseorang pensyarah, laiarbelakang atau fahaman politik pensyarah atau profesor tertentu langsung tidak diambilkira. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bertembual dengan pensyarah-pensyarah di universiti tempatan, kita akan mendapati bahawa mereka adalah berasaskan dari laiar belakang politik yang berbagai.

Berhubung dengan kekerapan mesyuarat di Fakulti Pengajian Islam di UKM, pihak Universiti sedang mengatur mesyuarat di peringkat Fakulti bagi memastikan semua ahli Fakulti berkenaan akan mendapat memainkan peranan untuk mempertingkatkan keberkesanan Fakulti tersebut.

Kongkongan terhadap pelajar UIA seperti yang didakwa adalah tidak benar. Mereka boleh menemui sesiapa sahaja asalkan perjumpaan tersebut tidak bertenangan dengan peruniukan Akia Universiti 1971 dan di sini saya ingin menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dari pengalaman saya sendiri, saya telah menghadiri beberapa forum dan seminar yang dianjurkan oleh universiti-universiti tempatan di mana ahli-ahli Yang Berhormat dari

parti-parti Pembangkang telah hadir seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan mereka begitu marah sangat kepada Kerajaan. Sungguhpun kita tak bersetuju dengan pendapat tersebut, tetapi ini menunjukkan bahawa universiti-universiti tempatan mengamalkan satu sikap yang terbuka tentang pendapat-pendapat di masyarakat kita ini.

Mengenai saranan supaya dibuat perubahan terhadap kadar biasiswa di peringkat post-graduate di universiti tempatan, perkara ini perlu dikaji. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang mengikut kursus post-graduate masih dibayar gaji penuh selain daripada elaun sara hidup. Setakat ini kadar tersebut adalah difikir sesuai kerana selain daripada itu yuran pengajian sepanjang kursus juga dibayar oleh Kementerian.

Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat mengenai dengan dua orang guru yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dibuang kerja kerana tidak hadir di sekolah, adalah dimaklumkan bahawa seseorang kakitangan Kerajaan yang tidak hadir bertugas tanpa mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan bagi tempoh tertentu secara terus menerus boleh dikenakan hukuman buang kerja mengikut Perintah Am, Bab "D".

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri bangun lagi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Minta penjelasan. Berkenaan dua orang guru lantikan ISA itu—sedikit sahaja.

**Dr Fong Chan Onn:** Tak ada masa, saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri, Yang Berhormat, sila duduk!

**Dr Fong Chan Onn:** Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahti Yang Berhormat dari Sungai Petani yang ingin mengetahui sama ada latihan di maktab perguruan menekankan bidang akademik atau kemahiran, sukalah dijelaskan di sini bahawa matlamat program latihan perguruan ialah untuk mengeluarkan guru-guru yang berkemahiran untuk melaksanakan kurikulum di sekolah dengan lebih berkesan. Untuk mencapai matlamat ini, mulai pengambilan bulan Jun 1991, sesi praktikum pelatih-pelatih maktab perguruan akan diadakan dalam dua peringkat iaitu di semester 3 dan semester 5 yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran pelatih.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya mengadakan jawatan pensyarah di maktab perguruan sebagai jawatan naik pangkat, adalah dimaklumkan bahawa pensyarah-pensyarah maktab perguruan adalah terdiri dari pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berada di Perkhidmatan Terbuka atau Open Service. Mereka terpaksa bersaing dengan pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang lain di dalam urusan kenaikan pangkat. Tanggagaji pensyarah adalah mengikut tangga gaji skim yang telah diluluskan,

Kementerian Pendidikan akan mewujudkan lebih banyak lagi jawatan kenaikan pangkat kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan dengan ini pensyarah-pensyarah dari maktab perguruan juga memperoleh manfaat darinya.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya kurikulum pendidikan vokasional dan teknik berorientasikan keperluan industri tempatan, Kementerian Pendidikan sebenarnya berusaha menubuh sikap

berdikari dan mengorientasikan pelajar sekolah menengah vokasional untuk bekerja sendiri terutamanya melalui matapelajaran keusahawanan. Keperluan tempatan dan semasa memang diambil kira dalam merancang kurikulum di semua peringkat di sekolah menengah vokasional dan politeknik.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari -Kuala Nerus yang menggesa Kerajaan supaya mengambil alih beberapa buah sekolah agama negeri Terengganu dan membina lebih banyak sekolah agama baru, sebenarnya sekolah agama peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kepada sekolah agama negeri seperti bantuan kewangan, tenaga pengajar, buku teks dan lain-lain.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan supaya Kerajaan membina lebih banyak sekolah agama, sebenarnya Kementerian Pendidikan telah pun mewujudkan aliran agama di sekolah-sekolah menengah biasa. Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan juga bercadang untuk membina beberapa buah lagi sekolah agama di seluruh negara.

Kerajaan memang dari segi rancangan jangka panjang berhasrat untuk mengadakan sekolah satu sidang sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, memandangkan perkembangan dan kepesatan penduduk di samping beberapa alasan seperti ketiadaan tempat yang sesuai dan peruntukan kewangan yang terhad, adalah sukar bagi Kerajaan untuk mewujudkan sekolah satu sidang di seluruh negara dalam jangka pendek.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta ditambahkan lagi Pakulti

Pengajian di Kampus Cawangan UKM Sabah. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan sentiasa mengikuti perkembangan dan keperluan negara dalam memastikan program-program yang perlu dijalankan oleh sesebuah universiti. Kampus Cawangan UKM di Sabah telah dikenalpasti boleh memperkenalkan program-program yang tertentu yang dianggap memang sesuai dengan alam sekitar Sabah dan keperluan negara. Setakat ini Kementerian juga mempunyai program-program yang lain yang juga penting di bawah sektor pendidikan yang perlu diagihkan dan mengikut keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulung telah membangkitkan perkara berkaitan dengan kegiatan persekutuan mahasiswa di institusi pengajian tinggi seperti GAMIS yang secara terang-terangan berkempen bagi parti Pembangkang.

Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan penuh terhadap pihak Pengurusan Universiti untuk memastikan supaya kegiatan mahasiswa tidak bertentangan dengan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, (Pindaan) 1975. Mereka yang bertindak di luar dari peruntukan Akta ini akan dikenakan tindakan tatatertib yang ditetapkan.

Mengenai isu asrama desa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, Kementerian Pendidikan mengambil langkah membina asrama tersebut dengan lujuan membantu murid-murid miskin di luar bandar yang tinggal jauh dari sekolah, terutamanya bagi mengatasi masalah pengangkutan. Program ini ditujukan khususnya kepada murid-murid yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Kementerian Pendidikan sememangnya tidak berniat untuk memisahkan

murid-murid yang masih muda daripada keluarga mereka, tetapi dalam usaha Kementerian Pendidikan memberi Pendidikan kepada semua kanak-kanak, maka murid-murid miskin di pendalaman yang menghadapi masalah pengangkutan ditempatkan di asrama-asrama desa. Dengan adanya kemudahan tersebut, mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya dengan kemudahan tempat belajar dan bantuan guru yang mana dapat membantu mempertingkatkan prestasi mereka. Pada hakikatnya, murid-murid yang tinggal di asrama boleh dibentuk akhlaknya melalui semangat kerjasama, tolak ansur, melalui bercampur gaul mereka dan latihan disiplin melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain program. Walaupun ada pro dan kontranya, sistem asrama desa sebagaimana yang diamalkan di Sarawak sudah membuktikan keberkesannya dan baiknya dari segi sahsiah mahupun akademik belajar.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah membangkitkan isu tentang pembinaan sebuah lagi Maktab Perguruan Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pendidikan telah merancang untuk membinanya dalam Rancangan Malaysia Keenam. Buat masa ini, untuk menampung lebih ramai guru pelatih dalam pengajaran agama Islam, kursus-kursus pengajaran Islam juga dijalankan di beberapa buah Maktab Perguruan selain daripada di Maktab Perguruan Islam di Bangi.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja ulasan dan pandangan di atas isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari masih ada lagi beberapa isu yang tidak dapat dijawab di sini. Walau bagaimanapun, perkara tersebut adalah dalam perhatian dan tindakan Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,551,520,900 untuk Maksud B.26 dan \$6,658,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,551,520,900 untuk Maksud B.26 dan \$6,658,000 untuk Maksud B.27 diprintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$699,863,950 untuk Maksud P.26 dan \$11,920,000 yang disebut dalam maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$699,863,950 untuk Maksud P.26 dan \$11,920,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

**Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 (Jadua)—**

**Maksud P.28, P.31, P.32 dan P.58 (Anggaran Pembangunan 1991)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B.28 hingga B.32 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31, P.32 dan P.58 di bawah Kementehnan Kewangan terbuka untuk dibahas sekarang. Padang Terap.

3.55 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Bekalan B.28, mukasurat 139, Butiran 010100 dan

juga Butiran 010200. Yang pertama tadi di bawah tajuk Pentadbiran, dan yang kedua di bawah tajuk Perkhidmatan Kawalan.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan mengenai satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan beliau apabila membentangkan Budget untuk 1991, iaitu mengenai dengan defisit di dalam bahagian invisible trade sebanyak lebih kurang \$4,000 juta.

Tuan Pengerusi, defisit ini sudah lama menunjukkan tahap yang tinggi dan belum lagi kita dapat mengurangkannya dan di dalam penelitian saya, satu daripada faktor yang menyumbang secara significant kepada pengaliran keluar negara di dalam bidang ini ialah sektor insurans, iaitu melalui aktiviti re-insurance kepada syarikat-syarikat di luar negeri.

Tuan Pengerusi, di dalam sektor insurans dan bidang yang hendak saya sebut ialah, pertama, insurans kereta motor misalnya, dan yang kedua, insurans yang termasuk, dengan izin, marine, aviation, transit dan fire insurance untuk perbandingan.

Mengikut Laporan Ketua Pengarah Insurans bagi tahun 1989, di antara 3% hingga 7% daripada jumlah net premium yang dibayar di dalam sektor insurans kereta motor adalah dibayar kepada syarikat insurans luar negeri, iaitu re-insurance dan dibandingkan pula dengan insurans yang kedua yang saya sebut tadi, iaitu marine, aviation, transit and fire insurance, sebanyak 21% hingga 51% daripada premiumnya dibayar kepada syarikat-syarikat re-insurance di luar negeri.

Perbezaan yang besar, Tuan Pengerusi, di antara kedua sektor ini menunjukkan bahawa sektor yang

pertama, iaitu sektor kereta motor adalah tidak membawa banyak keuntungan dan ianya mempunyai banyak risiko dan juga banyak kerugian yang telah ditunjukkan di dalam sektor kecil ini. Sebab itulah tidak ada kehairahan syarikat-syarikat luar negeri untuk menerima re-insurance daripada syahkat dalam negara kita. Di sebaliknya, sektor yang kedua, iaitu khususnya fire insurance menunjukkan potensi keuntungan yang tinggi dan juga pada hakikatnya negara kita tidak begitu lerdedah banyak kepada malapetaka, baik malapetaka yang natural ataupun yang artificial, maka ianya mempunyai risiko yang rendah dan oleh itu kehairahan untuk syarikat luar negeri menerima re-insurance daripada syarikat-syarikat dalam negeri adalah sangat tinggi, iaitu sepertimana yang ditunjukkan dalam nisbah 23% hingga 51% dan juga, Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat broker insurans tentu sekali bertumpu kepada sektor ini, iaitu sektor fire insurance (sektor api) untuk mendapat keuntungan yang besar.

Justeru itu, Tuan Pengerusi, satu pengaliran keluar wang negara yang banyak berlaku. Pada tahun 1989 sahaja, lebih kurang \$323,420,000 sahaja yang keluar, iaitu di dalam bentuk, dengan izin, premiums paid for re-insurance out of Malaysia, iaitu dalam bentuk premium sahaja. Ini merupakan satu pengaliran yang banyak keluar daripada negara. Oleh itu saya mencadangkan supaya suatu usaha untuk mengawal pengaliran ini dilakukan oleh Kementerian melalui dua cara yang berikut:

- (i) mana-mana usaha untuk mere-insure kepada syarikat-syarikat luar negeri dengan bertujuan mendapat pembayaran brokerage dan commission yang banyak, sepatutnya jangantah di galakkan; dan

- (ii) patutlah kita galakkan penggunaan pooling yang lebih meluas di antara syarikat-syarikat insurans dan saya minta dipertimbangkan dengan serius oleh Kementerian.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya pasti dengan cadangan saya yang tidak seperti ini, kita dapat mengurangkan pengaliran keluar kekayaan negara dan dapatlah kita menambahkan apa yang dipanggil, dengan izin, the national retention capacity.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk di mukasurat yang sama, mukasurat 139, Butiran 010800, iaitu Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan dan berkaitan dengannya ialah Butiran 030000, di mukasurat 140 mengenai dengan Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, pada masa ini ramai kontraktor-kontraktor awam, kontraktor-kontraktor yang mencari makan untuk mendapat kerja-kerja di dalam agensi-agensi Kerajaan merungut bahawa mereka dibawa ke dalam proses, apa yang dipanggil, wild goose chase, dengan izin, ataupun menghambat angsa liar. Jadi, semuanya tidak dapat.

Tuan Pengerusi, bentuknya begini. Banyak agensi-agensi Kerajaan mempunyai anak-anak syarikat. Apabila agensi-agensi Kerajaan ini mempunyai satu-satu projek untuk ditenderkan, pada kehendaknya dia hendak memberi kepada anak-anak syarikatnya. Tetapi oleh sebab dia takut kepada Treasury, dia menender syarikat itu di dalam tender notice, iaitu diumumkan di dalam suratkhbar. Maka syarikat-syarikat swasta pun masuk dengan membayar deposit tender yang banyak dan akhirnya didapati oleh anak-anak syarikat agensi itu.

Saya fikir ini tidak perlu dibuat. Sepatutnya jikalau ada mana-mana projek yang hendak diberi kepada anak-anak syarikat agensi Kerajaan ini, beri icrus. Jangan dibawa usahawan-usahawan yang lain di dalam apa yang saya kata wild goose chase tadi. Kerana ini memakan banyak sumber-sumber syarikat itu khususnya syarikat-syarikat yang tidak berapa kuat, dia terpaksa mengisi borang tender yang terpaksa dibayar dengan beratus-ratus ringgit wang depositnya. Oleh itu saya mintalah supaya pihak Treasury ataupun pihak Kementerian Kewangan membuat kelonggaran sedikit kepada agensi-agensi Kerajaan, yang mana tender hendak diberi kepada anak syarikatnya, diberi terus, jangan didera usahawan-usahawan yang mana kita menggalakkan pembangunan usahawan-usahawan lempatan.

Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan Ahli Yang Berhormat dari Marang.

*4.03ptg.*

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.28 mukasurat 142 Kertas Perintah 19 berhubung dengan Butiran (Projek) 00700—Skim Wang Pinjaman Perumahan.

Suka saya menegaskan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan, di mana seperti yang kita maklum, mereka tidak ada peluang untuk mencari wang selain daripada gaji dan beberapa perkara yang dipcruntukkan oleh Kerajaan kepada mereka kerana mereka tidak ada peluang untuk berniaga dan tidak ada peluang yang banyak untuk mendapat wang daripada sumber-sumber yang lain terutamanya mereka yang bekerja dengan ikhlas,

yang tidak menerima rasuah, yang tidak menerima sogokan dengan cara yang haram, yang tidak betul. Oleh kerana itu mereka hendaklah diberi bantuan dan pertolongan yang sewajar dan sesungguhnya-sungguhnya bagi mengatasi masalah perumahan ini.

Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan sendiri melalui suatu Lembaga dengan menggunakan peruntukan pinjaman itu dijadikan modal membina rumah dengan perbelanjaan yang lebih murah daripada diberi kepada pihak lain sama ada individu ataupun pihak swasta yang lain. Apabila Kerajaan sendiri yang mengendalikannya, di mana Kerajaan boleh memberi keistimewaan untuk mendirikan rumah dengan belanja yang lebih murah dan setelah siap boleh diberi kepada kakitangan Kerajaan itu dengan pinjaman-pinjaman yang munasabah, yang tidak ada riba dan lebih berbentuk memberi perkhidmatan kepada mereka daripada mencari keuntungan.

Yang kedua, saya ingin menyentuh P.28 mukasurat 142 Kertas Perintah 19 Butiran 01600—Bank Islam Malaysia Berhad.

Bank Islam menjadi penumpuan kepada mereka yang mahu melarikan diri daripada bank-bank riba dan kita mendapat suatu sambutan yang menggalakkan dari masyarakat kepada Bank Islam ini. Apa yang perlu diberi perhatian ialah di sana masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu dibuat pembetulan dan kita tidak boleh menaikan bahawa perkara yang baru ditubuh ia tidak terus sempurna, ia mestilah mengalami kelemahan-kelemahannya dan ketemahan itu perlu diatasi, kesilapan perlu dibetulkan kerana masih ada lagi beberapa unsur yang botoh disifatkan sebagai penindasan, walaupun tidak dinamakan riba iaitu dalam perkara pinjaman yang diberi.

Yang kedua, Bank Negara perlu mengadakan langkah menuju perubahan kepada cara Islam untuk memberi galakan perubahan kepada bank-bank lain. Kerana sepatutnya Bank Negara ini menjadi contoh kepada bank lain dan usaha pencrapan nilai-nilai Islam di dalam bidang bank ini adalah lebih berkesan sekiranya dilakukan oleh pihak Kerajaan melalui perubahan kepada Bank Negara itu sendiri.

Suka saya menarik perhatian apabila Kerajaan Kelantan memindahkan deposit ke Bank Islam, beberapa bank telah datang menemui pihak yang berkenaan di Kelantan dan menyatakan hasratnya untuk membuat perubahan dan bersedia untuk membuat perubahan. Oleh kerana itu pihak Kerajaan hendaklah memberi jalan dan hendaklah memberi galakan kepada perubahan-perubahan itu dan hendaklah menunjukkan contoh-contoh yang menggalakkan kepada bank lain. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya perubahan yang awal hendaklah dilakukan kepada Bank Negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh P.28 Butiran 02100—Sports Tolo Bhd. Kita melihat masih lagi ada pergantungan kepada sumber-sumber perjudian yang diharamkan oleh Islam dan agama lain. Walaupun ianya dianggap kecil oleh setengah kalangan, tetapi memberi kesan yang besar kepada negara dan masyarakat, kerana perjudian ini tidak membawa kepada keberkatan. Keberkatan adalah suatu istilah yang tidak ada dalam istilah ekonomi Barat dan ia adalah dilonjolkan oleh istilah ekonomi Islam yang perlu kita ketengahkan dengan menghindarkan diri daripada sumber-sumber yang haram dan kegiatan-kegiatan haram dalam bidang kewangan.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa perjudian dalam segala

bentuknya menghapuskan rasa kasih sayang di kalangan masyarakat terutamanya di dalam rumahtangga. Perjudian ini semua adalah bercanggah dengan slogan "masyarakat penyayang" seperti yang kita laungkan di dalam Budget yang dikemukakan pada tahun ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh B.28 Butiran 010000, Program Penyemakan Cukai dan Analisa Cukai. Walaupun kita lihat di dalam Belanjawan yang dikemukakan adanya penurunan cukai pendapatan kepada setengah-setengah kalangan, apa yang kita dapati penurunan ini lebih membciri kesenangan kepada golongan yang berada. Di samping itu Kerajaan masih tidak boleh mengawal harga barang-barang keperluan rakyat umum seperti minyak yang melibatkan orang yang tidak berada. Ini juga adalah bercanggah dengan masyarakat penyayang kerana perhatian hanyalah diberi kepada kalangan-kalangan yang tertentu.

Pengecualian cukai kepada usahawan dalam negeri yang melabur di luar negeri adalah langkah yang tidak bijak kerana menggalakkan pengaliran keuntungan ke luar negeri dan keuntungan yang dibawa balik adalah untuk orang-orang yang berkenaan sahaja. Saya bimbang perkara ini dilakukan mungkin kerana sudah ada di kalangan orang-orang yang berkepentingan, yang sudahpun melabur di luar negeri untuk membawa balik dengan keuntungan yang besar bagi dirinya sendiri, bukan untuk negara.

Jadi, saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya sentuh berhubung dengan Kementerian ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bandar Kuching.

4.10 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Maksud Bekalan B.28, muka surat 139 Butiran 010200—Perkhidmatan Kawalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu kawalan ke atas perjudian. Seperti Dewan yang mulia ini sudah maklum, pihak Kerajaan Negeri Sarawak sudah mengumumkan bahawa mulai 8hb Mac tahun ini penjualan tiket-tiket Super Four, Big Sweep dan sebagainya yang dilesenkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak akan diharamkan. Maka pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah mengumumkan bahawa satu permintaan telah dibuat kepada pihak Treasury ke arah mengharamkan penjualan tiket-tiket loteri yang dilesenkan oleh pihak Persckutuan seperti Magnum, Sports Toto dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti dalam jawapannya memberi satu up-to-date bagaimana dengan permintaan itu, sebab saya pun menyokong satu permintaan dari Kerajaan Negeri itu sebab dalam Bandar Kuching sendiri saya selalu menerima aduan pengusaha-pengusaha kecil, peniaga-peniaga, penjaja-penjaja bahawa kaum wanita membelanjakan sebahagian dari wang sayur mereka untuk membeli tiket, khususnya mereka dari kalangan yang miskin dengan harapan bahawa mereka akan cepat jadi kaya. Maka itu sudah menjadi satu keadaan yang teruk dan sudah dianggarkan bahawa wang sebanyak \$200,000 sehari sudah dibelanjakan untuk membeli tiket-tiket dan ini akan berjumlah mungkin \$60 juta setahun. Ini sudah menjadi satu wabak di negeri Sarawak, dengan sebab itu saya berharaplah satu tindakan boleh dibuat, bukanlah ke atas dasar PAS ataupun apa-apa hujah agama, tetapi ke atas keperluan ekonomi negara kita dan akhlak rakyat Sarawak sahaja.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Program 010800—Unit Pengurusan Syarikat Agensi Kerajaan yang bertugas sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet ke atas Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti memberitahu kepada Dewan ini berapakah jumlah bilangan syarikat-syarikat yang mana pihak Kerajaan ada syer ataupun memberi jaminan dan dari jumlah ini lebih kurang agaknya hampir 1,000. Dari jumlah itu berapakah yang sudah mengalami kerugian, kerugian terkumpul jumlahnya berapa ringgit? Termasuklah mereka yang walaupun sekarang dapat keuntungan semasa, tetapi masih berhuiling banyak, masih mengalami kerugian terkumpul itu. Dalam hubungan ini saya ingin membaca sedikit dari Kertas Perintah 29 iaitu Memorandum Jabatan Perdana Menteri mengenai Laporan Kedua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 1988, mukasurat 7 yang mana pihak Kerajaan Persekutuan sudah mengakui bahawa masalah PABK itu menjadikan satu beban kewangan besar kepada pihak Kerajaan khasnya 7 syarikat yang terbesar, saya bacakan iaitu:

- (i) PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd., mengalami kerugian terkumpul berjumlah \$557 juta melebihi modal berbayarnya sebanyak \$307 juta.
- (ii) Sabah Gas Industries Sdn. Bhd., mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$918 juta iaitu melebihi \$546 juta daripada modal berbayarnya.
- (iii) Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., kerugian sehingga 1988 itu terkumpul meningkat kepada \$192 juta.
- (iv) Kompleks Kewangan Malaysia Bhd. \$105 juta;

(v) Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Bhd. (HICOM) kerugian terkumpulnya meningkat kepada \$589 juta.

(vi) Kedah Cement Sdn. Bhd. kerugian terkumpul meningkat kepada \$217 juta.

(vii) Bank Bumiputra Malaysia Berhad, akaun yang telah diaudit berakhir pada 31-3-1988 menunjukkan kerugian terkumpulnya meningkat kepada \$459 juta iaitu 1/3 daripada modal sahamnya.

Tuan Pengerusi, cuma 7 syarikat ini sahaja pihak Kerajaan Persekutuan ataupun rakyat Malaysia sudah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$3,337 juta. Ini wang yang besar.

Saya tahu PABK merupakan satu masalah yang sudah lama wujud dan saya pun sedar dalam jawapan ini beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kewangan dari segi menyusun semula pengurusan, pembayaran balik hutang yang dihadapi oleh syarikat-syarikat itu, khasnya dalam PERWAJA Terengganu itu ianya sudah ditugaskan kepada Encik Eric Chia untuk menyusun semula pengurusannya. Walaupun sudah tidak mengamalkan cara direct reduction untuk mengeluarkan besi, tetapi sekarang dia nampaknya masih mahu balik kepada cara yang digunakan oleh syarikat Jepun iaitu syarikat perkongsian asalnya. Maka saya bimbang sedikit kalau pihak Kerajaan Persekutuan tidak mengambil tindakan lebih ketat untuk mengawal kerugian terkumpul ini nanti susahlah. Pertama, dari segi kerugian.

Kedua, usaha negara kita untuk menganjur dan menggalakkan industri berat itu akan terjejas.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 020500 iaitu Analisa Cukai. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Treasury sebab pada kali ini dalam tahun ini sudah dikecualikan pembayaran cukai eksport untuk lada. Ini satu berita paling baik kepada mereka yang menanam lada di negeri Sarawak. Seperti Dewan ini sudah maklum 98% lada dikeluarkan dari negara ini adalah berasal dari negeri Sarawak. Ini akan memheri galakkan kepada mereka supaya mencari makan dengan senang sedikit, tetapi saya minta Yang berhormat atau Kementerian yang berkenaan di bawah pcruntukan Butiran ini untuk mengkaji lagi bagaimana boleh menolong petani-petani dan pekebun-pekebun kecil dari segi mengurangkan cukai import untuk baja ataupun cara untuk menurunkan kos mengeluarkan baja dan makanan untuk haiwan supaya mereka yang miskin yang tinggal di kawasan luar bandar ini boleh dapat diberi bantuan yang sesuai untuk mereka meninggikan taraf hidup mereka.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 020400—Analisa Ekonomi dan Antarabangsa yang bertanggungjawab untuk memonitor keadaan ekonomi antabangsa, khasnya sekarang memandangkan bahawa Perang Teluk sudah meletus dan jikalau perang ini berlanjutan nanti memanglah akan ada kesan yang buruk kepada ekonomi dunia. Saya bimbang memandangkan sckarang pihak Kuasa-kuasa Bersekutu sudah menyediakan usaha untuk ground attack, ini menunjukkan bahawa perang ini tidak akan ditamatkan dalam tempoh yang singkat, mungkin 3 bulan atau 6 bulan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Okay, dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi, saya haraplah share market dan harga minyak tidak berubah sangat, tetapi saya ingin menawarkan satu renection sahaja bahawa ini adalah satu kegilaan manusia yang mana Amerika Syarikat boleh membelanjakan 53,000 juta sehari untuk perang, untuk menghantar sebuah Tomahawk missile yang bernilai \$4 juta—habis, cantik, menyebabkan orang mati, bangunan runtuh, tetapi Malaysia susah mahu mendapat wang untuk pembangunan. Orang Ethiopia mahu makan, makanan tidak ada, itu kegilaan haraplah berdoa kepada Tuhan supaya ini tidak terus berlaku.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar.

*4.20 ptg.*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 28—Perbendaharaan, mukasurat 140, Butiran 030000—Perkhidmatan dan Kawalan Kcwanagan, dalam Program 030100—Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, untuk memberi kontrak kepada mana-mana pengusahawan, pihak Kerajaan menggunakan salah satu dari dua cara iaitu quotation atau tender. Quotation ini dibuat menerusi sliding scale dan scale ini mungkin telah digubal atau telah dibentuk pada beberapa tahun yang lepas. Oleh kerana nilai wang sekarang sudah semakin rendah, jadi saya berpendapat scale ini adalah tidak berpatutan lagi pada masa sekarang. Oleh itu saya mencadangkan supaya scale yang diberi untuk kes-kes quotation ini patutlah dinaikkan lebih tinggi lagi untuk mengelakkan daripada rintangan red-tape dan birokrat menerusi cara-cara tender.

Keduanya, tender. Walaupun Kerajaan sekarang mengatakan yang tiap-

tiap tender itu diberikan based on merit, dengan izin, tetapi apa yang dipraktik oleh pihak Perbendaharaan sekarang ialah memberi tender kepada penender yang kecil sekali. Perkara sebegini telah mendatangkan masalah kepada pengusahawan-pengusahawan terutama sekali pengusahawan yang menerima tender daripada Kerajaan pada tahun 1988. Ini telah berlaku di Sarawak di mana pembinaan jalanraya di Sarawak telah terbengkalai dan telah terbiar oleh kerana tender pada tahun 1988 yang mana jalanraya boleh dibina mengikut tender iaitu dengan harga \$500,000 untuk satu kilomeler tetapi pada tahun 1989, jalanraya tidak boleh lagi dibina dengan \$800,000 untuk satu kilometer. Jadi sebelum jalanraya itu siap para kontraktor yang berkenaan telah mendapati mereka telah terlibat dalam masalah kewangan. Dengan itu semua jalanraya di Sarawak, apa yang dikatakan lebuhraya di Sarawak, semua kerja untuk membina lebuhraya di Sarawak telah diberhenlikan.

Dari itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan atau pihak Perbendaharaan untuk meluluskan sesuatu tender janganlah berlandaskan on the lowest tender atau tender yang terendah sekali. Sepatutnya ianya hendaklah berlandaskan atas kebijaksanaan pihak Perbendaharaan itu sendiri dengan landasan boleh atau tidak pemohon tender itu menyiapkan satu-satu projek berkenaan. Kerana terdapat sekali-sekala kontraktor memohon tender kepada Kerajaan dan Kerajaan pasti yang projek itu tidak boleh siap dengan tender yang begitu rendah, tetapi telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Jadi projek tidak boleh disiapkan dan syarikat berkenaan menghadapi masalah kewangan dan mungkin bankrup sebelum projek itu siap.

Dengan ringkasnya saya akan berpindah kepada mukasurat 141, Program 030300—Pinjaman Perumahan. Dahulu pihak Kerajaan membuat dua sistem untuk menge-

luarkan pinjaman perumahan kepada pemohon-pemohon pinjaman iaitu menerusi cagaran dan satu lagi menerusi surat janji pinjaman. Surat cagaran adalah berlandaskan kepada tiap-tiap geran tanah yang dicagar kepada pihak Kerajaan setelah ianya dikeluarkan. Kedua ialah sebelum geran tanah berasingan satu-satu tanah itu dikeluarkan oleh pihak pemaju kepada pihak pembeli.

Pada masa sekarang sistem kedua itu telah dipupuskan oleh pihak Kerajaan dan hanya dikeluarkan pinjaman, ataupun kelulusan pinjaman hanya diberi kepada pembeli tanah ataupun rumah yang mempunyai geran tanah yang berasingan. Ini telah mendatangkan satu masalah bukan sahaja kepada pembeli tetapi juga kepada pemaju-pemaju yang berkenaan kerana tidak mendapat hasil sehingga geran tanah itu boleh dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu. Tetapi ada juga negeri-negeri yang mempunyai satu sistem pengeluaran geran tanah yang mana geran tanah itu tidak boleh dikeluarkan melainkan semua infrastruktur dan rumah itu hampir siap, baru geran tanah boleh dikeluarkan. Dengan itu ia mendatangkan satu masalah di mana rumah itu hampir siap tetapi geran tanah belum dikeluarkan. Ini bermakna pinjaman tidak boleh dikeluarkan oleh pihak Kerajaan kepada pihak pemaju.

Dengan itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan menghidupkan semula sistem yang lama iaitu pinjaman boleh dilulus dan diberikan kepada pembeli-pembeli, pegawai-pegawai Kerajaan walaupun geran tanah berasingan kepada rumah ataupun harta-benda yang hendak dibeli itu belum dikeluarkan oleh pihak berkuasa tanah tempatan.

Satu lagi, saya mencadangkan juga untuk, dengan izin, decentralise system pinjaman perumahan Kerajaan dan menyimpan geran tanah selepas pendaftaran pencagaran ke atas geran

tanah di mana rumah dibina itu lelah siap. Ini adalah untuk membolehkan pelepasan cagaran dilaksanakan dengan cepat kerana terdapat pelepasan cagaran ini mengambil masa yang lama. Misalnya, kalau satu-satu tanah itu telah dicagarkan kepada pihak Kerajaan, walaupun pembayaran hutang sekaligus telah dibayar kepada pihak Kerajaan tetapi untuk mengeluarkan geran tanah daripada pihak Kerajaan kepada Perbendaharaan mengambil masa kadang-kadang setahun dan ini telah mendatangkan satu masalah bukan sahaja kepada penjual, pembeli dan tuan punya tanah, tetapi juga kalau pembeli rumah itu mendapat pinjaman daripada bank, kepada pihak Peguam yang memberi jaminan kepada pengeluaran wang daripada bank yang pulang menghadapi masalah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi tidak dapat dibuat latar belakang, biarlah saya memberi cadangan sahaja. Cadangan saya ialah decentralisation untuk pinjaman perumahan dan simpanan geran tanah supaya pelepasan cagaran boleh dibuat dengan secepat mungkin dan pihak kerajaan sepatutnya memberi kuasa kepada pegawai tertentu di tiap-tiap negeri untuk menandatangani surat cagaran dan pelepasan cagaran. Ini juga akan mempercepatkan proses pendaftaran cagaran dan pelepasan cagaran. Kuasa pengeluaran wang pinjaman hendaklah diberi kepada tiap-tiap negeri walaupun kelulusan pinjaman berada di pihak Pejabat Pusat di Kuala Lumpur dan kelulusan pinjaman hendaklah diberi kepada pemohon walaupun geran tanah berasingan belum dikeluarkan oleh pihak pemaju.

Dengan itu saya berharap pihak Kerajaan memberi pandangan serius kepada perkara-perkara ini dan

menerima cadangan yang serba ringkas ini bukan sahaja untuk kepentingan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi juga kepada pengusahawan-pengusahawan dan pemaju-pemaju yang ada di negeri kita ini. Dengan itu saya turut menyokong peruntukan di bawah Maksud Bekalan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bayan Baru.

*4.30 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Pengerusi, disebabkan masa yang terhad, saya cuma akan menyentuh perkara B.31 iaitu berhubung dengan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, Butiran 010000 Pengurusan dan seterusnya sehingga P.31. Butiran 00100 dan 00200.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia perlu memperkemaskan lagi urusan pengurusan disebabkan kelemahan dalam pengurusan Jabatan yang berkenaan akan membawa kurang berkesan dalam aktiviti-aktiviti yang diusahakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia. Saya diberitahu bahawa amalan yang perlu dikaji semula dan perlu diambil tindakan ialah berhubung dengan urusan pertukaran pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Jabatan Kastam yang kerap kali berlaku, boleh dikatakan setiap tahun dan ini melibatkan satu perbelanjaan yang besar, yang melibatkan wang Kerajaan atau wang rakyat. Saya rasa pertukaran-pertukaran itu bukanlah pertukaran yang boleh ditafsirkan untuk kepentingan perkhidmatan, cuma adalah sebagai amalan biasa dan pertukaran itu berlaku pada tiap-tiap tahun dan dalam satu tahun kadangkala berlaku sampai 5-6 pertukaran ataupun arahan pertukaran dibuat. Ini satu kerugian dari segi peruntukan untuk

pengurusan. Saya berharap pihak Kementerian akan mengkajikan hal ini supaya pegawai-pegawai itu tidak ditukar semata-mata untuk ditukar. Kalau disebabkan oleh kerana untuk mengelakkan pegawai-pegawai itu dari terlibat dalam sebarang perbuatan rasuah dan lain-lain yang tidak diinginkan, perkara itu kita boleh ambil tindakan secara yang ditetapkan atau secara peraturan-peraturan yang ada tetapi bukanlah dengan sengaja menukarkan pegawai-pegawai itu tahun demi tahun. Ini amat menyusahkan pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Kastam sendiri, lebih-lebih lagi mereka menghadapi berbagai masalah, seperti masalah sosial, perumahan dan sebagainya dan ini amat merumitkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang kian bertukar tahun demi tahun.

Selain daripada itu, saya juga dapati bahawa pihak pegawai dan kakitangan di dalam Jabatan Kastam ini merungut tentang masalah urusan kenaikan pangkat yang dijalankan oleh Jabatan ini. Kerap kali urusan kenaikan pangkat tidak diadakan, masa yang sepatutnya diadakan apabila berlakunya kekosongan kenaikan pangkat di dalam Jabatan itu. Jika sekiranya urusan kenaikan pangkat diadakan, malangnya exercise temuduga urusan kenaikan pangkat yang dibuat itu lambat sangat keputusannya dikeluarkan mengikut kehendak yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sepeni yang terakhir sekali bagi mereka yang di dalam Kumpulan A dan di dalam Tingkatan Tertinggi dalam Jabatan Kastam yang telah melalui temuduga dalam tahun 1988, keputusan temuduga itu hanya diumumkan dalam bulan Januari tahun 1991 dan ini suatu perkara yang amat aneh bagi satu Jabatan yang begitu kecil tidak dapat menyelesaikan masalah kenaikan pangkat dengan secara yang lebih mudah, yang mengambil masa yang terlalu panjang dan ia menjadikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang

terlibat itu menjadi bosan dan merasa tidak puas hati tentang pengurusan Jabatan sendiri.

Begitu juga tentang urusan kenaikan pangkat yang dahulunya seperti mereka yang di dalam Tingkatan Tertinggi G ke atas, dahulunya urusan kenaikan pangkat kepada jawatan-jawatan seumpama ini hanya dilakukan secara rekomendasi oleh Ketua-ketua Jabatan tetapi sekarang ini mereka juga perlu melalui proses temuduga. Proses temuduga ini sepertimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi, mengambil masa begitu panjang untuk diberitahu kepada mereka yang berjaya. Mereka yang tidak berjaya pula merasa tidak puas hati kerana cara yang telah diberitahu kepada mereka begitu lewat dan mereka tidak diberi peluang untuk membuat rayuan kepada pihak Lembaga Temuduga yang telah menjalankan urusan temuduga tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang masalah yang terdapat di dalam Butiran 030000 berhubung dengan cukai dalam negeri yang ada hubung-kait dengan urusan Unit Eksais, Unit Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan. Begitu juga dengan Butiran 040000 Bahagian Pencegahan. Kita amat mengetahui tentang masalah kegiatan penyeludupan yang begitu berleluasa di negara ini. Walaupun apa jua langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kastam khususnya, masih terdapat kegiatan-kegiatan penyeludupan yang begitu meluas masih berlaku, terutamanya di negeri-negeri yang berhampiran dengan jiran tetangga, seperti berhampiran dengan Singapura ataupun Thailand.

Kita lihat tindakan untuk mencegah penyeludupan ini tidak begitu berkesan, sama ada kegiatan penyeludupan melalui darat mahupun kegiatan penyeludupan yang melalui laut. Saya

rasa pihak Kementerian perlulah membuat pertimbangan supaya Bahagian Pencegahan diberi satu galakan yang lebih bagi menentukan segala kegiatan penyeludupan, sama ada penyeludupan itu merupakan penyeludupan kolar putih ataupun penyeludupan secara fizikal yang berlaku di pintu-pintu masuk, mahupun di kawasan-kawasan perairan negara kita ini supaya langkah pencegahan yang lebih berkesan dapat diambil untuk mencegah kegiatan penyeludupan-penyeludupan yang sedang berleluasa di negara kita.

Saya berharap peruntukan yang telah diberi kepada pencegahan, iaitu sebanyak \$40,697,000 ini boleh ditimbang semula dan mereka ini perlu diberi tambahan yang secocok dengan kegiatan kerja-kerja mencegah penyeludupan, seperti menambahkan lagi anggota pegawai-pegawai pencegah di mana jua yang mereka perlu, menambahkan lagi kenderaan-kenderaan, lanci-lanci dan lain-lain kelengkapan yang diperlukan oleh Bahagian Pencegah bagi menentukan kerja-kerja pencegahan dapat dijalankan dengan secara yang lebih berkesan.

Saya merasai pegawai-pegawai yang ditempatkan di Bahagian Pencegah iaitu seramai 2,701 bagi tahun 1991 adalah tidak selaras dengan tugas dan tanggungjawab bagi mengendalikan segala kegiatan-kegiatan penyeludupan yang berlaku yang melibatkan Unit Kastam, Cukai Dalam Negeri mahupun kerja-kerja bagi mencegah perkara-perkara yang lebih penting seperti senjata, dadah merbahaya yang kini menjadi satu masalah yang besar di negara kita, malahan Malaysia juga dianggap sebagai sebuah negara di mana banyak penyeludupan dadah merbahaya keluar dari rantau ini ke negara-negara lain di Europe dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Hulah sebab, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian Kewangan akan membcri penekanan yang lebih kepada Bahagian Pencegahan dengan menambahkan bilangan penempatan pegawai-pegawai di dalam Bahagian Pencegah ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Larut.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Pengerusi, Maksud B.28, mukasurat 139, Perbendaharaan, Butiran 010000 Pentadbiran Am, Program 010800 Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan, anggaran perbelanjaan sebanyak \$1.13 juta lebih.

Perbendaharaan menguntukkan wang sekian banyak bagi pengawasan syarikat-syarikat agensi Kerajaan. Saya suka menarik perhatian supaya unit ini lebih berkesan dan mengawasi semua perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan supaya ianya tidak membazir.

Tuan Pengerusi, terdapat bahawa setengah-setengah agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat Kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugasnya kurang berkesan oleh sebab-sebab tertentu;

- (i) tidak mempunyai daya usaha dan kurang bertanggungjawab;
- (ii) tidak mempunyai pengetahuan profesional dalam bidang tertentu yang telah dipertanggungjawabkan;

- (iii) tidak mempunyai rangka . pemikiran dan perancangan yang baik untuk sesuatu tujuan kenapa syarikat itu ditubuhkan;
- (iv) kurang mempunyai daya tminat dan tidak mengetahui selok-belok perniagaan dan tidak mengetahui fungsi perniagaan itu samada mencari keuntungan ataupun mencari kerugian;
- (v) tidak mempunyai inisiatif untuk maju; dan
- (vi) sebilangan bcsar dari Lembaga Pengarah atau Pengerusi-pengerusi mereka adalah dilantik daripada orang-orang, setengahnya bukan semua, yang pncen, yang mana sudah jemu dengan tugas dan tidak lagi mempunyai pemikiran yang berfungsi secara positif.

Kerajaan membelanjakan wang begitu banyak bagi agensi-agensi ini. Sekiranya kita tidak mendapat keuntungan, maka Kerajaan akan menanggung kerugian berterusan. Justeru itu, saya rasa pengawasan perlu dikemaskinikan dan agensi-agensi sebelum ditubuhkan, hendaklah mempunyai consultant, dengan izin, serta mempunyai matlamat apakah agensi itu, kenapakah ianya ditubuhkan dan untuk apa selain dari kepentingan negara yang mana biasanya agensi-agensi itu ditubuhkan untuk kepentingan negara.

Tuan Pengerusi, mukasurat 141, Butiran 05000 Lembaga Pembangunan Langkawi. Nampaknya akhir-akhir ini konsentrasi ditujukan lebih banyak kepada pembangunan Pulau Langkawi. Memang tidak boleh kita nafikan

perkara ini perlu dan mustahak, tetapi saya bimbang sekiranya kita lebih mementingkan Pulau Langkawi daripada pembangunan di tempat-tempat lain seperti di Larut, maka orang ramai akan runsing kerana sejak kita melancarkan Tahun Melawat Malaysia dan Visit Malaysia Naturally tahun ini, usaha-usaha bertalu-talu ke arah bagi kesenangan ataupun kemewahan pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat, sedangkan kesenangan-kesenangan yang diberi kepada orang yang tinggal tetap di Malaysia ini kurang mendapat perhatian. Saya rasa pembangunan itu perlu, tetapi janganlah pula sampai lupa kepada orang-orang seperti kita ini yang sentiasa tinggal di Malaysia dan kemudahan-kemudahan Kerajaan hendaklah tidak ditumpukan kepada Pulau Langkawi sahaja. Janganlah pula Kerajaan membuat sesuatu pembangunan itu hanya memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong yang datang dan pergi.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pembangunan itu, tetapi kita tidak boleh memikirkan keuntungan kepada kapitalis-kapitalis sahaja. Perancangan Pulau Langkawi hendaklah menguntungkan orang-orang negara ini khasnya bumiputera. Sekiranya Pulau Langkawi dibangunkan sekaligus secara besar-besaran, maka saya yakin dan percaya peluang bagi anak-anak bumiputera berkecimpung mungkin tidak ada. Yang lahir ialah keuntungan kepada taukeh-taukeh besar dan hanya pelancong sahaja yang dapat menikmati keindahan.

Bagi pelancong-pelancong seperti-mana yang datang dari Eropah, Amerika, saya percaya mereka tidak memerlukan bangunan yang besar-besar atau padang golf yang besar-besar, kerana ini mereka semua ada, kerana saya tahu ketika saya berada di England dan di tempat-tempat lain mereka semua ada yang besar-besar lebih daripada kita. Jadt, mereka hanya

hendak melawat. Umpamanya Pulau Langkawi, kalau kita hendak membanyakkan lagi pelanduk, biar mereka memburu pelanduk; ikankah—apa-apa ikanlah. Jadi, perancangan mesti mengambil kira mengenai kehidupan orang miskin di Pulau Langkawi, orang sederhana supaya sama-sama mendapat keuntungan apabila ianya dibangun secara piccemeal, dengan izin, bukan secara terkejut. Yang bangun secara terkejut itu kadang-kadang orang tidak hairan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja sedikit-sebanyak mengenai hasrat saya mengenai dua perkara tersebut. Saya ucapkan terima kasih dan menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nilam Puri.

4.45 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020000, Program 020400 Analisa Ekonomi dan Antarabangsa dan dalam buku Program dan Prestasi, Kertas Perintah 20, Program Pengurusan dan Analisa Kewangan, dan Aktiviti Analisa Ekonomi dan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, Laut China Selatan didapati mempunyai minyak yang banyak. Perjanjian Sempadan Malaysia-Thai telah ditandatangani untuk menerokai carigali minyak bersama untuk menambahkan pendapatan kepada Malaysia. Sekarang Kerajaan Kelantan diperintah oleh Angkatan. Kita bimbang usaha mencarigali minyak ini dihentikan atau diperlahankan sebab kalau dicarigali minyak maka 5% hasilnya akan pergi kepada Kerajaan Negeri.

Kita difahamkan pula sekarang ini di pihak Thailand, carigali minyak diteruskan, sedangkan permukaan bumi

di laut antara Kelantan dan Thailand, saya difahamkan bahawa permukaan bumi lebih tinggi di Kelantan dan lebih rendah di pihak Thailand. Kalau Kerajaan Thailand mengepam minyak terlebih dahulu maka minyak daripada Malaysia akan mengalir ke Thailand. Maka Thailand akan dapat minyak daripada Malaysia kerana bumi kita lebih tinggi daripada Teluk Thailand, Teluk Siam yang dicadangkan untuk mengepam mengeluarkan minyak daripada daerah tersebut.

Kalau Iraq menuduh Kuwait mencuri minyaknya kerana telaga minyak di Ramalah itu di dalam negeri Kuwait, tetapi pihak geology Iraq mendapati minyak yang dipam itu datang dari Iraq. Oleh itu akhirnya hal Telaga Minyak Ramalah itu membawa kepada perceraian Teluk. Kita bimbang jikalau Kerajaan Malaysia perlahan dalam usaha mencarigali minyak ini, maka peristiwa yang sama akan berlaku, iaitu minyak Malaysia akan dipam oleh Kerajaan Thailand dan kita tidak mahu selepas perang Teluk Parsi, akan jadi pula perang Teluk Siam kerana minyak kita sedang dipam nanti.

Oleh itu kita harap pihak Kementerian Kewangan, pihak Kerajaan berusaha dengan cepat supaya telaga-telaga minyak dapat dibina dengan segera supaya kalau Thailand mengepam minyaknya, kita juga menghisap minyak daripada bumi kita. Kalau tidak, bumi kita akan kekeringan minyak dan Thailand akan memperolehi minyak kerana bentuk muka bumi, bentuk geology yang ada di permukaan laut. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pasir Mas.

4.49 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi. Saya ada dua tiga perkara, oleh kerana masa tidak

mengizinkan, saya hendak merujuk B.28, mukasurat 142, Butiran 01600, Bank Islam Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi, Bank Islam sejak ianya ditubuhkan menjadi salah satu harapan kepada umat Islam untuk menjadi alternatif kepada sistem banking yang wujud di dalam negara kita sekarang ini. Saya amat gembira dan menyambut baik di atas kejayaan Bank Islam selama ini kerana baru-baru ini telahpun mengumumkan bahawa Bank Islam telahpun membuat keuntungan. Tetapi apabila dilihat dari segi perkembangan jangka masa, saya dapati pertumbuhan dan perkembangan Bank Islam tidaklah sehebat dan tidaklah seagresif yang kila jangkakan.

Sememangnya Bank Islam sepatutnya bukan sahaja agresif dari segi perkembangannya tetapi mampu untuk membuktikan sebagai satu sistem yang boleh menjadi alternatif kepada sistem banking yang ada sekarang ini iaitu yang dibuat bukan secara Islam. Keuntungan baru-baru ini kalau kita lihat tidaklah begitu membanggakan. Oleh itu saya ingin menggesa pihak Bank Islam, pengurusan khususnya dan pihak Kerajaan sendiri yang mengawal perjalanan Bank Islam ini supaya lebih agresif supaya dapat meyakinkan pelanggan-pelanggan sama ada di kalangan masyarakat Islam sendiri ataupun bukan Islam.

Hari ini orang sedang melihai dan mengikuti perkembangan Bank Islam malah walaupun ada usaha dibuat untuk menambahkan lagi pelanggan-pelanggan di kalangan bukan Islam tetapi bilangannya amat kecil sekali. Walau apa pun cadangan saya, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya hendak sebut satu dua perkara yang lain.

Saya ingin mencadangkan supaya pemegang saham dalam Bank Islam itu dibuka dengan lebih luas. Bukan kepada mereka-mereka aia institusi yang ada sekarang ini yang pihak

swasta antara lain Arab Malaysian memegang 20% ada satu kumpulan. Lepas itu mungkin Tabung Haji dan sebagainya. Saya ingin tahu siapakah pemegang-pemegang saham Bank Islam sekarang ini dan bilakah Bank Islam ini boleh disenaraikan untuk dijual saham kepada masyarakat secara terbuka. Bank Islam seharusnya berkembang dengan lebih cepat. Kalau boleh, cawangan ditubuh di seluruh negara, di seluruh desa-desa atau di bandar-bandar, di daerah-daerah. Pastikan mesti ada rancangan dalam masa lima tahun dari sekarang setiap daerah ada cawangan Bank Islam.

Saya ingin menganjurkan supaya semua Jabatan Kerajaan/Agensi-agensi Kerajaan menyalurkan wang deposit mereka masing-masing dalam Bank Islam, bukan lagi dalam bank-bank perdagangan yang lain, khususnya agensi Kerajaan sendiri. Ini boleh membantu dan bagi kita membuktikan perkembangan Bank Islam itu salah satu sistem yang lebih baik daripada sistem banking yang biasa yang ada sekarang ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya iaitu mukasurat 142 juga iaitu 02300 Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. Sctip kali Belanjawan, setiap kali perbandingan ada sahaja wang yang disalurkan untuk Perwaja, tidak berhenti-henti. Jadi, sampai bila ini kita hendak belanja wang untuk Perwaja dan bagaimanakah kedudukan prestasi Perwaja sekarang ini. Bagaimanakah pengeluarannya sebab isu kekurangan billet/steel bar masih lagi menjadi masalah. Manakala katanya Perwaja sudahpun sampai kepada tahap maksima mengeluarkan billet. Apakah kedudukan Perwaja sekarang ini yang sudahpun dikatakan mempunyai keuntungan. Dan bagaimanakah perjanjian dengan Jepun yang telah menjual alat-alat ganti ataupun alat-alat kegunaan Perwaja yang tidak dapat digunakan dahulu. Adakah sebahagian

daripada alat-alat ini sudahpun dijual dan Kerajaan ataupun Perwaja dapat pulangan balik daripada pelaburan tersebut.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, muka-surat 142, Butiran 02700 Pembelian Saham BBMB daripada PETRONAS. Masalah BBMB ini sering dibincang dan dia menjadi kontroversi sejak isu BMF. Walau apapun yang pentingnya Bank Bumiputra ini dilahirkan di waktu gagasan Dasar Bkonomi Baru bermula dahulu iaitu satu institusi yang diasas dan dilahirkan melalui Kongres Ekonomi Bumipulera iaitu untuk menolong usahawan-usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan. Dan walau apapun kita bersetuju bahawa sistem banking ini mesti dijalan dengan secara prudent, dengan secara yang profesional. Tetapi dalam pada itu, daripada mengambil kepentingan yang tegas dari segi prudent banking, tetapi dari sikap untuk menolong usahawan bumiputera ianya mestilah bersikap liberal.

Kita bersetuju di alas itu sebab, itulah sebabnya Bank Bumiputra ditubuh dahulu kerana tidak dapat usahawan bumiputera meminjam di tempat yang lain. Masalah cagaran, masalah penjamin dan sebagainya. Tetapi malangnya Bank Bumiputra ini pula dijadikan batu loncatan beberapa yang dulu di mana ada setengah-setengah pihak menggunakan atas nama bumiputera meminjam dengan begitu banyak sehingga Bank Bumiputra berada dalam keadaan yang hampir-hampir musnah. Selain daripada isu BMF, beberapa banyak bad loan sekarang ini, hutang lapuk. Saya berseluju kalau tanya saya jangan terlalu keras kepada usahawan-usahawan yang kecil-kecil, penjaja-penjaja, kontraktor-kontraktor yang kecil-kecil. Tetapi bagaimana pula yang besar-besar ini. Yang \$2 juta, \$3 juta, \$4 juta, \$10 juta, \$15 juta—

ini? Bayar ataupun tidak? Sebab saya difahamkan yang \$100,000, \$200,000, \$300,000 sampai ke tandas mereka kejar! Tetapi bagaimana yang besar-besar? Ada setengah-setengah mungkin sudah berbelas tahun bad debts ini tidak diselesaikan. Tetapi hidup mereka mewah. Ini sepatutnya diburu sampai habis, macam Amerika lawan Iraq, Iraq lawan Amerika sekarang ini. Ini yang besar-besar yang saya maksudkan ini. Sebab mereka yang meminjam berpuluh juta, berbelas juta ringgit atau yang berjuta-juta ini tidak harus diizin hidup dengan mewah tanpa membayar balik wang Bank Bumiputra. Wang ini adalah wang rakyat. Tetapi bagi kalangan mereka-mereka yang berniaga, yang genuine belul, yang betul-belul kita tahu ianya. peniaga-peniaga betul, memang wajar diberi kelonggaran, diberi kerjasama dan diberi pertolongan, dan saya tahu Bank Bumiputra memberi pertolongan dan sokongan selama ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ada Yang Berhormat yang bangun.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Minta penjelasan supaya hujah Yang Berhormat itu lebih terang. Cuba Yang Berhormat terangkan berapa banyak jumlah yang dikatakan besar itu. Sebab kepada saya mungkin sejumlah duit itu sudah besar. Kepada Yang Berhormat, mungkin sedikit lagi. Berapa banyak yang dikatakan besar itu. Adakah \$50,000 sudah besar ataupun \$1 juta itu besar, macam mana? Yang kecil itu bagaimana?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang besar kecil ini yang \$1 pun duit, yang

ikut kepada biasalah saya anggap \$5 juta ke atas besar. \$5 juta ke bawah saya kira sederhana dari segi perniagaan sekarang, baik dari segi pclaburan atau pinjaman sekarang. Jadi, walau macam manapun \$10 pun kena kutip. Yang saya cakap tadi secara rambang iaitu kerana Bank Bumiputra ada bad loans dalam negara tidak termasuk BMF. Saya percaya lebih daripada \$1 billion dulu saya baca dalam akhbar atau dalam laporan. Itu dululah. Sekarang ini saya tidak tahu berapa bad loans.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sudah cukup?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya baru hendak naik steam. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tetapi masa sudah cukup. Tidak ada sistem lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Baru mukadimah, sudah cukup.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Jadi walau macam manapun, Tuan Pengerusi, untuk gulung sedikit saya haraplah supaya perkara ini diambil perhatian dan Bank Bumiputera mestilah kembali kepada hasrat sebagaimana

ianya ditubuhkan dulu melalui Kongres Ekonomi Bumiputera dan juga bertindak tegas kepada peminjam-peminjam yang mengambil kesempatan dalam Bank Bumiputra itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada dua Kementerian yang perlu dibahaskan hari ini, saya dapat membenarkan seorang Ahli lagi sahaja. Yang Berhormat dari Tuanan.

4.58 ptg.

**Datuk Monggoh Orow (Tuaran):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.28, Butiran 030000 Pcrkhidmatan dan Kawalan Kewangan, Program 030100 Pengurusan Kontrak dan Bekalan dan 030300 Pinjaman Perumahan di bawah Maksud Bekalan.

Tuan Pengerusi, selalu dibangkit-bangkitkan oleh Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahawa peruntukan yang diberikan kepada Sabah biasanya tidak dapat dibelanjakan. Kadangkala perbelanjaan hanya dalam peringkat 60% atau 50%.

Apa yang saya dapati di sini kegagalan untuk membelanjakan peruntukan itu bukan disebabkan tidak keupayaan agensi Kerajaan Negeri Sabah. Salah satu faktor yang menyebabkan perbelanjaan yang kecil itu berasal daripada kuasa-kuasa yang buat keputusan dari segi pemberian lawaran.

Misalnya pada tahiti lalu apabila projek yang telah ditawarkan iaitu Hospital Daerah di Tuaran dalam bulan Oktober, pihak yang berkuasa telah membuat analisa dan membuat rekomendasi, tetapi sehingga sekarang belum ada keputusan. Bermakna projek ini tidak dapat dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan di sini supaya kerjasama di antara kuasa-kuasa Persekutuan dan Kerajaan Negeri diwujudkan supaya semua projek yang dirancang dalam satu-satu tahun dapat dilaksanakan demi untuk kepentingan rakyat. Sebab Kerajaan ini dipilih oleh rakyat untuk memberi kemudahan kepada rakyat, bukan untuk kepentingan Kerajaan.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak berkuasa di Sabah iaitu Pegawai Kewangan Persekutuan di Sabah diberi kuasa untuk membuat keputusan ke atas semua projek yang ditawarkan untuk dilaksanakan di Sabah dan bukan keputusan dibuat di Kuala Lumpur.

Walaupun saya ketahui bahawa ada had-hadnya tetapi kalau had-had ini dibuat, maka segala perkara yang dihantarkan ke Kuala Lumpur untuk mendapat keputusan sudah tentu akan terlambat. Inilah satu sebab di mana peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Persekutuan di Sabah tidak dapat dibelanjakan dan tidak seharusnya Kerajaan Negeri Sabah dipersalahkan.

Mengenai dengan pinjaman perumahan, Tuan Pengerusi, ramai orang pegawai yang berasal dari Sabah bertugas di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah, dan apabila mereka memohon wang pinjaman bagi perumahan, permohonan itu dihantar ke Kuala Lumpur dan ini mengambil masa yang panjang untuk diproses.

Ada kes yang saya diberitahu sampai satu tahun pun belum ada kelulusan, belum ada khabar-khabar sama ada permohonan itu diluluskan atau tidak. Ini akan mendatangkan kesulitan kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Mungkin mereka ini akan merasakan bahawa mereka tidak dipedulikan kerana permohonan mereka tidak dititikberatkan. Maka saya memang bersimpati dengan mereka kalau mereka berfikiran

bahawa mereka tidak diberi perhatian berat.

Oleh sebab itu, kalau mereka tidak mempunyai rumah, mungkin mereka tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan lebih berkesan dan mungkin pula mereka dianggap tidak sesuai dan tidak akan dinaikkan pangkat.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya permohonan pinjaman perumahan bagi pegawai-pegawai yang bertugas di Sabah di Jabatan-jabatan Persekutuan diluluskan di Sabah kerana sekarang ada seorang pegawai khas yang bertugas di sana. Sekarang Kerajaan Persekutuan mempunyai Setiausaha Persekutuan dan beliau mungkin dapat membuat keputusan dengan cepat kalau permohonan itu tidak dikirim ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud Pembangunan P.28, di bawah mukasurat 142, Butiran (Projek) 02000—Projek Sabah Gas Utilisation dan Butiran (Projek) 02200—Sabah Porest Industries.

Tuan Pengerusi, kedua-dua projek gergasi ini telah mendapat restu daripada Kerajaan Persekutuan apabila mereka dimulakan oleh Kerajaan Negeri dan telah mendapat pinjaman sama ada dari luar negeri ataupun dalam negeri dan pinjaman-pinjaman itu mempunyai jaminan daripada Kerajaan Persekutuan. Ini Bermakna Kerajaan Persekutuan memberi restu dan telah bersetuju bahawa projek-projek ekonomi ini akan memberi sumbangan positif kepada ekonomi keseluruhan negara kita. Tetapi apa yang menyedihkan, baru-baru ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi, beliau juga adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat kenyataan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menarik balik pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah yang mungkin termasuk kedua-dua projek ini.

Memanglah dalam Perlembagaan Persekutuan terdapat undang-undang di mana Kerajaan Persekutuan boleh menarik balik pinjaman ataupun hutang Kerajaan Negeri. Tetapi walaupun undang-undang itu ada, kita tidak boleh menjalankannya dengan sewenang-wenang kerana kita seharusnya meneliti sebaik-baiknya sama ada pinjaman itu baik untuk ekonomi negara kita atau tidak. Projek ini adalah menelan belanja yang berjuta-juta ataupun berbilion-bilion ringgit. Kalau kita tarik balik dan projek ini sendiri tidak dapat membayar, beribu-rihu orang akan kehilangan pekerjaan, mungkin pendapatan daripada pertukaran wang asing hilang dan apalah pula pandangan orang-orang asing kepada Kerajaan kita kerana kita ini di dalam satu negara, di dalam satu keluarga yang besar. Setahu saya banyak pinjaman begini telah bertahun-tahun tidak dapat dibayar oleh Perbadanan-perbadanan Ekonomi Kemajuan Negeri seluruh Malaysia, tetapi tindakan tidak diambil. Tetapi kenapa sekarang tindakan akan diambil untuk menarik balik pinjaman itu?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Monggoh Orow:** Sedikit sahaja lagi. Saya minta supaya Kerajaan Persekutuan memeriksa dan meneliti perkara ini dengan sebaik-baiknya sebelum membuat keputusan untuk menarik balik pinjaman yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah dengan restu Kerajaan Persekutuan sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.09 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada 9 Ahli Yang Berhormat yang telah bangun mempunyai kesempatan untuk membahaskan kepada peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk tahun 1991.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai peranan aktiviti insurance dan re-insurance dan hubungannya dengan imbalan bayaran terutama sekali berkaitan dengan soal perdagangan yang tidak ketara.

Adalah benar seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa elemen perniagaan lidak ketara atau dengan izin, invisible element, yang mencakupi perniagaan insurance dan re-insurance adalah di antra perkara-perkara yang menyebabkan Akaun Semasa negara kita dalam keadaan yang defisit daripada tahun demi tahun dan pihak Kementerian Kewangan memang mengambil berat tentang perkara ini.

Selain daripada merujuk kepada perniagaan insurans sebagai satu bidang yang perlu diperbaiki dan sebegitu rupa meningkatkan, dengan izin, national retention capacity, Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan mendekati perkara ini secara menyeluruh sama ada yang berkaitan dengan soal melimpah keluar tukaran asing kita melalui sumber-sumber pelancongan, pembayaran untuk mjuan mendapatkan pelajaran di luar negeri ataupun dalam bentuk pembayaran perkapalan dan juga dengan cara memastikan bahawa pembayaran faedah dan pinjaman-pinjaman yang lalu sebegitu rupa supaya masalah Akaun Semasa ini dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Jadi, rujukan Ahli Yang Berhormat tentang pemiagaan insurans ini adalah secara khusus dan perkara-perkara yang dibangkitkan adalah agak khusus dan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan. Sekadarkan saya ingin menekankan di sini bahawa dalam keadaan ekonomi dunia seperti yang ada pada hari ini, dan sambil itu pula keadaan ekonomi kita yang agak terbuka, maka langkah-langkah yang menyeluruh yang mencakupi kegiatan-kegiatan insurans dan perkara-perkara yang lain perlu didekati sebegitu rupa supaya masalah defisit ini akan dapat dikurangkan dan diringankan pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, masalah anak-anak syarikat diberi kesempatan untuk mendapatkan kerja-kerja daripada syarikat induknya Tuan Pengerusi, adalah menjadi amalan pihak Kerajaan bahawa ini tidak digalakkan kerana Kerajaan lebih terbuka dan perkara ini, mendekatinya secara terbuka, tidak digalakkan dimana kerja-kerja diserahkan kepada anak-anak syarikat oleh syarikat-syarikat induk. Kerajaan lebih cenderung kepada memberikan kesempatan secara terbuka untuk mana-mana pihak untuk bersaing. Dengan cara demikian, bukan sahaja dapat memastikan bahawa peruntukan dapat digunakan pada tahap yang sewajarnya dan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan cekap berdasarkan kepada keperluan teknikal dan juga berdasarkan kepada keperluan masa yang dijadualkan untuk satu-satu kerja dan satu-satu projek.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang. Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan tentang cadangannya memerlukan pihak Kerajaan, seolah-olah pihak Kerajaan

mengambil peranan untuk membangunkan rumah-rumah untuk digunakan oleh kakitangan Kerajaan. Tuan Pengerusi, ini agak berlawanan dengan dasar Kerajaan kebelakangan ini di mana pihak Kerajaan membebaskan peranan yang lebih besar kepada pihak swasta untuk melaksanakan pembangunan ekonomi negara kita dan kalau sekiranya kakitangan Kerajaan cenderung untuk terlibat secara langsung, sama ada sebagai pembeli rumah ataupun pemilik projek-projek perumahan, kakitangan Kerajaan boleh bersama-sama dalam kopcrasi-koperasi yang diwujudkan oleh kakitangan Kerajaan kalau hendak terlibat secara langsung.

Adalah lebih wajar berdasarkan kepada keupayaan yang ada pada pihak Kerajaan dari segi teknikalnya, dari segi pengalamannya bahawa pembangunan di sektor perumahan ini diserahkan kepada pihak swasta dan kita merasakan bahawa ianya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap lagi pada kualiti yang lebih memuaskan kepada masyarakat pembeli dan pada jadual masa yang diharapkan oleh pihak pembeli.

Dalam soal riba' yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, telahpun dijawab dalam soalan mulut sebelum daripada ini dan telahpun disebutkan di sini bahawa Kerajaan dalam soal peruntukan perumahan ini, tidak dapat mengubahkannya secepat mungkin, memerlukan masa kerana sumber-sumber kewangan Kerajaan adalah daripada pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai soal Bank Islam. Saya agak tertanya-tanya sejauh mana dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa berlakunya penindasan berdasarkan kepada prosedur dan juga perkara-perkara yang

dilaksanakan oleh Bank Islam. Ahli Yang Berhormat dari Marang malangnya tidak menyebut bagaimana Bank Islam membuat penindasan. Jadi, kalau boleh, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Marang unjuk membuktikan bentuk dan rupa penindasan yang dibuat oleh Bank Islam kerana kita tahu bahawa Bank Islam diwujudkan dengan harapan yang meluas di kalangan masyarakat Islam bahawa kemudahan Bank Islam itu adalah untuk menyingkirkan dan menghapuskan apa jua bentuk penindasan dan apa jua tanda penindasan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai peranan yang dimainkan oleh Bank Negara, Tuan Pengerusi, jika sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan sudahpun mengalihkan wang simpanannya daripada Bank Perdagangan kepada Bank Islam, Tuan Pengerusi, ini membuktikan bahawa sckurang-kurangnya dalam negara kita sekarang ini, Kerajaan sudahpun melaksanakan bukan sahaja dalam bentuk dasarnya, bahkan dalam bentuk amalannya bahawa ada pilihan dalam negara kita ini. Kalau sekiranya ada pilihan, maka terserahlah kepada bukan sahaja budi bicara ktt, batikan dalam bentuk amalan kita sendiri untuk membuat pilihan itu. Ini sebenarnya, Tuan Pengerusi, membuktikan bahawa langkah yang dibuat oleh Kerajaan sebenarnya bukan sahaja memberi kesempatan kepada masyarakat Islam untuk membual pilihan yang sewajarnya, tetapi dengan cara demikian tidak merumitkan masyarakat bukan Islam dalam negara kita ini.

Mengenai Sports Toto, Tuan Pengerusi, saya tidak perlu menjawab di sini kerana Kerajaan sudahpun mengambil tindakan yang sewajarnya dan tidak pun termasuk dalam peruntukan Belanjawan 1991.

Perkara keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang

ialah mengenai cukai. Yang Berhormat dari Marang membuat dakwaan mengatakan bahawa cukai yang diturunkan sama ada dalam bentuk kadarnya, ataupun dalam bentuk pengecualian cukai-cukai yang dibuat kebelakangan ini adalah untuk tujuan menguntungkan kumpulan tertentu. Ingin saya menegaskan di sini bahawa yang pertama, ada kelompok-kelompok masyarakat yang membayar cukai di peringkat bawahan menikmati; yang pertamanya pengecualian cukai-cukai yang diberikan oleh pihak Kerajaan, sama ada mereka membayar cukai dengan lebih rendah, ataupun terlepas langsung daripada keperluan untuk membayar cukai.

Selain daripada itu, ingin juga saya menegaskan bahawa pengecualian yang dibuat itu adalah satu cara untuk mewujudkan suasana di mana dayausaha, inisiatif dan inovasi di kalangan masyarakat Malaysia, rakyat Malaysia yang dapat dibangunkan sebegitu rupa supaya rakyat Malaysia yang mempunyai dayausaha-dayausaha seperti demikian bukan sahaja dapat menikmati daripada usaha-usaha mereka, maka dengan cara demikian untuk sama-sama membangunkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, mengenai dakwaan yang mengalakan bahawa yang miskin tidak terbelah dari segi cukai, ingin saya menegaskan di sini bahawa pembelaan terhadap yang miskin bukan hanya melalui cabang cukai-cukai yang dilurukan, pengecualian-pengecualian yang dibuat, tetapi daripada cabang Belanjawan negara, dari segi perunlukan-peruntukan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Inilah caranya di mana pihak yang miskin, yang kurang berada, mendapat pembelaan daripada Kerajaan berdasarkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung. Saya ingin menyahut Ahli Yang Berhormat daripada Marang

untuk meneliti hal masyarakat miskin ini dari perspektif yang saya sebutkan tadi supaya tidak berat sebelah dalam soal menilai sesuatu Belanjawan Kerajaan. Ia perlu dilihat bukan sahaja dalam bentuk sama ada cukai tertentu diturunkan tetapi juga perlu dilihat sejauh mana peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan itu akhirnya dapat dinikmati oleh masyarakat miskin.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching mengenai soal judi. Sesungguhnya Kerajaan mengambil berat dalam hal masyarakat, apa jua penyakit masyarakat yang dapat kita kesan, yang memerlukan pengamatan Kerajaan dan tindakan yang sewajarnya perlulah dikaji sebaik-baiknya supaya penyakit masyarakat itu dapat dibanteras. Apabila Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa suasana di Sarawak sebegitu rupa hingga wujudnya apa yang dipanggil, dengan izin, social ill dalam masyarakat, maka dalam hal ini ingin saya menyebutkan di sini bahawa pihak Kementerian Kewangan akan mengkaji sebaik-baiknya perkara ini dan jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri sudahpun membuat keputusan ke arah itu maka Kerajaan Persekutuan akan meneliti dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, walaupun begitu, Kerajaan Negeri berhak untuk membuat tindakan yang sewajarnya. Jika sekiranya ruang-ruang berjudi masih lagi wujud, premis-premis berjudi masih lagi wujud, maka itu adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri. Perjudian bukan berlaku di atas angin, ianya berlaku pada premis-premis tertentu, maka kalau begitulah caranya, maka Kerajaan Negeri berhak untuk tidak mengeluarkan permit-permit supaya tempat-tempat berjudi itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, langkah Kerajaan Negeri bukan terhad kepada sekadar meminta Kerajaan Pusat menarik lesen, tetapi tindakan-tindakan sepeiti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuching mengenai PABK. Saya terlebih dahulu mohon maaf kerana tidak dapat memberikan maklumat yang tepat dari segi bilangan PABK dan juga dari segi nilai kerugian dan juga hutang-hutang PABK secara menyeluruhnya. Sekadarkan saya ingin menyebut tentang perkara pokok dalam soal ini.

Tuan Pengerusi, Kerajaan menyedari tentang sejauh mana PABK merupakan beban kepada kewangan Kerajaan. Itu sebabnya pihak Kementerian Kewangan, sejak dua tahun yang lalu, sudahpun mewujudkan satu task force, dengan izin, untuk mengkaji sebegitu rupa supaya membawa rumusan-rumusan yang berguna di antara PABK-PABK yang penting, yang menyebabkan, yang melibatkan hutang yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Pusat juga Kerajaan Negeri ataupun jaminan hutang yang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk Kerajaan Negeri. Kerana kerugian-kerugian yang terkumpul, keupayaan pengurusan yang lemah dan kemampuan teknikal yang tidak baik, maka lebih kurang 8 PABK-PABK yang penting telahpun dikaji dengan sebaik-baiknya.

Di antaranya ialah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Kuching seperti Perwaja Terengganu (Sdn) Berhad yang sekarang ini sudahpun disusun semula sebegitu rupa, yang ada kaitannya dengan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi sama ada dari segi production capabilitynya, dengan izin, dari segi pengurusannya, dari segi teknologi.

dari segi kedudukan kewangan dan hutang yang masih lagi perlu dibayar. Ianya sudahpun diubah sebegitu rupa supaya diwujudkan satu syarikat yang baru—Perwaja Steel (Sdn) Berhad dengan harapan bahawa syarikat yang baru ini, dengan kemampuan yang baru dan terlepas daripada tanggungan-tanggungan, pada satu hari nanti akan dapat menjadi satu syarikat yang mempunyai daya-maju dan tidak berapa lama lagi akan dilcikkkan kepada kedudukan untuk disenaraikan, kita harap, ataupun diswastakan dengan cara-cara yang lain.

Tuan Pengerusi, dengan cara yang demikian, maka Kerajaan akan dapat mengambil balik berdasarkan kepada nilai syarikat yang baru ini, berdasarkan kepada potensi syarikat yang baru ini, dalam jangka masa yang panjang, untuk meraih balik segala perbelanjaan Kerajaan.

Jadi, langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan dalam hal ini sebenarnya ialah menyedari tentang perkara-perkara ini dan perlu dibuat langkah-langkah yang konkrit untuk membetulkan keadaan dan akhirnya meraih balik apa juga pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan dan sambil itu pula memenuhi matlamat asal Kerajaan untuk sama ada meluaskan lagi dalam hal besi ini dan meluaskan lagi asas sektor perindustrian di negara kita.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya perkara ini tidak diperbetulkan maka Kerajaan terpaksa menanggung segala hutang-hutang tersebut dan kalau Kerajaan tidak meneruskan projek ini, besar kemungkinan tidak ada sektor lain untuk melaksanakannya. Dalam hal ini, kalau kita merujuk apa yang berlaku sama ada di Korea Selatan khususnya, maka mereka juga adalah contoh-contoh bahawa Malaysia tidaklah terasing di dalam soal ini. Dalam soal membangunkan kemampuan sektor industri di negara kita ini, pengalaman kita bukanlah terasing

daripada apa yang dialami seperti di Korea Selatan kerana contoh di situ menunjukkan bahawa ada juga di mana mereka berjaya, ada juga di mana mereka gagal. Dan kegagalan itu akhirnya dapat diperbetulkan sebegitu rupa hingga Korea Selatan merupakan di antara negara yang mampu dalam bidang industri.

Tuan Pengerusi, saya menyebut Perwaja sebagai contoh dan ada contoh-contoh lain seperti Kedah Cement yang mana sudahpun diperbetulkan oleh pihak Kerajaan dengan cara diswastakan syarikat tersebut dengan dibeli oleh pihak-pihak tertentu dan sambil itu pula Kerajaan dapat meraih balik perbelanjaan-perbelanjaannya sebelum ini. Begitu juga dengan MSC, Kerajaan telah pun membuat keputusan untuk diswastakan.

Saya akan menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan Sabah Gas Industry dan juga Sabah Forest Industries apabila saya menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Tuan.

Mengenai perkara yang ketiga, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, mengenai soal cukai. Saya rasa berterima kasih kerana Ahli Yang Berhormat dapat menyedari tentang kesan positif apabila pihak Menteri Kewangan menghapuskan cukai lada. Kerana kesannya sepatutnya juga dirasakan dan difahami oleh masyarakat di seluruh negara kita apabila Kerajaan menghapuskan cukai eksport getah dengan harapan bahawa akhirnya apabila cukai eksport getah itu diturunkan, ia dapat dinikmati dalam bentuk harga yang lebih baik lagi untuk pekebun-pekebun kecil. Ini adalah sama dengan faedah yang dinikmati oleh penanam lada di Sarawak. Sekadarkan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sejauhmana langkah-langkah lain yang perlu diambil untuk mengurangkan lagi kos pengeluaran di sektor pertanian untuk faedah pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, selain daripada subsidi yang berbagai-bagai yang dibcri oleh Kerajaan, kalau sekiranya ada ruang di mana barang-barang impori yang masih diperlukan oleh pihak masyarakat petani Kementerian Kewangan akan mengkajinya. Tetapi Tuan Pengerusi, subsidi yang diberikan dalam berbagai bentuk adalah di antara cara-cara yang dibuat oleh Kerajaan untuk meringankan beban kos pengeluaran yang ditanggung oleh masyarakat petani.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang soal Perang Teluk dan akibatnya yang boleh dirasakan oleh negara kita. Saya tidaktah bercadang untuk menjawab perkara ini dengan panjang lebar, sckadarkan saya ingin menyebut di sini bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan hingga kini meletakkan keadaan ekonomi kita pada kedudukan yang sewajarnya, momentum, dengan izin, yang ada dalam ekonomi kita, dari segi pertumbuhan yang ada agak pada tahap yang tinggi daripada 8.8% tahun 1989 kepada 9.5% pada tahun 1990 dan kita mengagak pada tahap 7.8% pada tahun 1991. Kita juga mengagak bahawa kita mempunyai pertumbuhan bukan sahaja daripada sumber-sumber luar negri berdasarkan kepada eksport yang kita mampu laksanakan, tetapi juga dari sumber-sumber dalaman yang mengizinkan pertumbuhan dalam negara kita ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di samping itu pula kita terus mencrima sumber-sumber pengaliran modal daripada luar negeri dan untuk tahun 1990 misalnya, kita mencrima Lidak kurang \$20 bilion modal asing yang mengalir ke negara kita. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita juga mcmbuat beberapa langkah-langkah uniuik apa yang dipanggil, dengan izin, deregulation dan liberalisation dalam ekonomi kita, sama ada dari segi pclaburan dan juga dari segi apa yang berlaku di sektor kewangan yang mcngizinkan inisiatif dan inovasi di

kalangan usahawan-usahawan dalam negeri dan juga luar negcri, perubahan-perubahan cukai yang sewajarnya yang telah kita buat untuk membcri insentif yang sewajarnya, kedudukan ringgit yang agak slabil, kedudukan kewangan Kerajaan yang agak baik dan juga penyelesaian mengenai PABK-PABK yang telah dibuat hingga kini.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan kebelakangan ini hinggalah pada ketika ini, itulah sebabnya kita mengatakan bahawa kita adalah pada kedudukan dari segi fundamentalnya, dengan izin, dari segi asasnya adalah pada keadaan yang baik dan sewajarnya kita mempunyai ketahanan resilience, dengan izin, ekonomi kita untuk mengharungi pergolakan yang berlaku di peringkat antarabangsa. Tetapi, Tuan Pengerusi, akhirnya ialah bergantung sejauh mana Peperangan Teluk ini berlarutan sebegitu rupa, ianya menyebabkan harga minyak turun pada tahap tertentu ataupun naik sebegitu rupa hingga menjejaskan ekonomi antarabangsa dan dengan cara demikian tidak mengecualikan kedudukan ekonomi negara kita.

Kita mengharapkan bahawa Perang Teluk ini tidak berpanjangan dan kita sedia maklum bahawa bekalan minyak di peringkat antarabangsa pada kuantiti yang cukup, dan jika sekiranya itu berlaku maka kita mengagak bahawa harga minyak pada tahap yang sewajarnya. Jadi, Tuan Pengerusi, dalam soal ini kita merangka Belanjawan ini pada harga minyak USS22 dan kalau sekiranya lebih ataupun kurang, kalau terlalu lebih daripada USS22 ia peMukan kepada kajian yang sewajarnya dan kalau kurangnya ia juga memerlukan kajian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pihak Kerajaan sedangpun mengkaji dengan mendalamnya tentang implikasi Perang

Teluk ini terhadap ekonomi kita untuk tahun ini dan lebih daripada tahun 1991.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, yang pertamanya mengenai soal quotation, dengan izin. Yang Berhormat memberi saranan supaya skel itu dapat dikaji semula sebegitu rupa supaya ianya dapat gambaran yang sewajarnya dengan keadaan pasaran. Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan di sini bahawa saranan Yang Berhormat itu akan dikaji sejauh mana quotation yang ada ini sebenarnya memberi gambaran tentang keadaan yang ada. Saya percaya bahawa dalam soal quotation ini sentiasa dikaji daripada semasa ke semasa supaya ianya menepati dengan keadaan yang sebenar, yang ada dalam pasaran.

Mengenai soal tender, Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa ia dikaji berdasarkan kepada merit, tidak semata-mata berdasarkan kepada harga yang rendah, kerana kita sedia-maklum bahawa kita pernah menghadapi masalah yang berbagai berdasarkan kepada harga yang rendah sahaja. Oleh yang demikian, apabila kita mengkajinya daripada segi merit kita mengambilkira kedudukan pihak penender tersebut dari segi kewangannya, dari segi keupayaan teknikalnya dan dari segi track recordnya, dengan izin. Jadi, kalau kita ambilkira perkara ini semua dan apabila laporan-laporan yang didapati daripada pihak Jabatan di peringkat Negeri, selepas itu di peringkat Pusat, dan akhirnya di peringkat Kementerian Kewangan, sewajarnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diambilkira.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan saya rujuk kepada pihak Kementerian

Kewangan untuk dipertimbangkan. Sekadarkan satu perkara mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk dicentralisasikan kemudahan pinjaman ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan di sini bahawa pihak Kementerian Kewangan sudahpun melaksanakan projek untuk mengkomputerkan sistem pinjaman perumahan ini dan melalui projek mengkomputerkannya satu daripada kesan yang meluas ialah ke arah decentralisation dari segi pelaksanaan pinjaman perumahan Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan soal Kastam, yang mana Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya dikemaskan urusan pengurusan Jabatan Kastam di mana pegawai-pegawai Kerajaan dikatakan terlalu kerap sangat ditukar-tukarkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa pertukaran yang berlaku agak menjcjaskan kelesaan keluarga pihak kakitangan Kastam yang terlibat. Dalam hal ini saya percaya bahawa Jabatan Kaslam menekankan sejauh mana pcutukaran-pertukaran yang kerap ini berlaku, untuk memastikan bahawa kecekapan dan juga keamanahan melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan Kaslam ini dapat dikekalkan pada tahap yang sewajarnya melalui sistem pertukaran ini. Tetapi jika sekiranya sistem pertukaran ini agak keterlaluan sehingga menyebabkan masalah-masalah pada pihak kakitangan, saya percaya pihak Jabatan akan mengkaji perkara ini sejauh mana ianya dapat diletakkan kepada kedudukan yang sewajarnya.

Begitu juga tentang soal kenaikan pangkat dan saya percaya perkara ini

ada kaitannya dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan jika sekiranya ada kelewatan yang keterlaluhan, maka sepatutnya ini tidak berlaku dan saya akan merujuk perkara ini untuk perhatian yang sewajarnya dalam soal kenaikan pangkat.

Mengenai soal penyeludupan, sistem ganjaran yang sewajarnya, saya pernah menjawab dalam jawapan mulut dalam perkara ini. Ganjaran adalah berdasarkan kepada risikan yang diberikan oleh mana-mana pihak dan saya katakan bahawa kalau sekiranya tangkapan itu membawa nilai yang tertentu, maka ganjarannya didapatkan berdasarkan kepada nilai tersebut. Soalnya ialah sama ada peratus yang diperuntukkan itu memadai ataupun tidak, ini persoalannya. Tetapi prinsipnya adalah wajar lebih tinggi nilai risikan itu maka lebih tinggilah ganjarannya. Dalam soal meningkatkan kemampuan pihak Bahagian Pencegahan, sama ada dalam bentuk menambah kakitangan dan juga kemudahan kenderaan dan bot-bot untuk rondaan, saya percaya perkara-perkara ini dalam pengamatan pihak Kementerian dan juga Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut mengenai pengawasan agensi-agensi Kerajaan. Adalah benar bahawa pada satu ketika ada pengalaman untuk kita di mana berlakunya pembaziran yang disumberkan kepada pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab, tiada komitmen, tidak ada perancangan yang sewajarnya dan tidak ada kepakaran profesional untuk mengendalikannya. Ini adalah merupakan pengalaman-pengalaman yang pahit yang telah kita lalui, maka apabila langkah-langkah dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan untuk membetulkan keadaan ini, maka di antaranya ialah untuk mewujudkan pengurusan yang terhindar daripada perkara-perkara yang negatif seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut.

Mengenai soal Langkawi, apabila Yang Berhormat mengatakan, let's go natural, dengan izin, saya percaya bahawa Larut banyak ruang-ruang untuk bukan sahaja masyarakat Larut tetapi kumpulan pelancong untuk 'go natural', dengan izin, di Larut. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Larut supaya jangan rasa sepi kerana tumpuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan ke Langkawi. Saya percaya Ahli Yang Berhormat ada pemikiran yang inovatif untuk memikirkan bagaimana Larut boleh menarik pelancong-pelancong dengan bukit bukaunya, hutannya, hulu-hilir, sungai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Nilam Puri mengenai soalan carigali. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kita sedia faham tentang simpanan minyak yang ada pada negara kita ini ada hadnya. Oleh yang demikian apabila kita melihat kedudukan dunia pada hari ini, maka kepentingan negara sebegitu rupa tidak akan dikompromikan dengan apa juga matlamat politik yang remeh.

Tuan Pengerusi, kita juga ada hubungan kerjasama yang baik dengan Thailand dan jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai kepakaran teknikal sebegitu rupa, ada kemampuan Thailand menyedut minyak daripada dasaran Laut China Selatan, pihak Kerajaan tidak menghalang langsung langkah-langkah yang sewajarnya untuk kita mengesan sumber-sumber minyak di merata negara kita di mana kita mempunyai hak untuk membuat pengesanan-pengesanan tersebut. Sekadar saya ingin menegaskan di sini, kalau sekiranya kita mendapat sumber minyak dekat dengan Kelantan, maka Kerajaan Kelantan tidak menuntut royalti lebih daripada 5%.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai

Bank Islam, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang betul-betul ini adalah satu alternatif yang amat diminati oleh masyarakat Islam. Saya terimalah apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa tidak begitu cepat perkembangannya. Bank Islam sudah pun wujud lebih kurang 10 tahun, maka dari segi accessibilitinya, dengan izin, sebegitu rupa dapat didekati oleh masyarakat di seluruh negara masih lagi agak terlalu perlahan. Maka langkah yang sewajarnya yang perlu dibuat oleh Bank Islam ialah meluaskan lagi kemudahan ini di merata negara kita ini. Saya percaya bahawa accessibility, dengan izin, perlu juga diimbangi dengan kemampuan yang ada pada Bank Islam itu. Selepas 10 tahun, maka ada kemungkinan lain untuk kita meluaskan kemudahan sistem kewangan di negara kita ini dengan secara Islam selain daripada Bank Islam.

Apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pemegang saham Bank Islam adalah seperti berikut:

Yang pertama, satu kumpulan pelaburan daripada Arab Saudi yang dipanggil JAWI pada jumlah 17.5%; Menteri Kewangan Incorporated sebanyak 20%; Lembaga Tabung Haji 12% dan yang lain-lainnya terdiri daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang memiliki saham Bank Islam.

Tuan Pengerusi, saya lagi sekali merujuk kepada perkara yang dibangkitkan sebelum daripada ini iaitu mengenai Perwaja. Sekadar saya hendak menambah bahawa kita mengharapkan Perwaja Steel Sdn. Bhd. satu syarikat baru yang diwujudkan mengambil alih segala harta Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dengan kemudahan kewangan yang telahpun

dimasukkan kepada syarikat tersebut dengan pinjaman yang dibuat dengan tidak ada jaminan daripada pihak Kerajaan berdasarkan kepada teknologi yang baru yang digunakan yang telahpun teruji di Amerika Latin dan juga di Asia ini dan juga berdasarkan kepada keperluan pasaran yang tidak terhingga dan juga ke arah apa yang dipanggil, forward integration, dengan izin, kegiatan tersebut, kita menjangka bahawa Perwaja Steel Sdn. Bhd. akan mampu untuk mempunyai daya maju yang baik. Dengan cara yang demikian mempunyai track record, dengan izin, yang baik dan pada masa yang sewajarnya untuk melalui proses penswastan sama ada melalui penyenaaran di Pasaran Saham ataupun melalui proses penswastan pada pihak-pihak tertentu. Dengan cara demikian, maka syarikat tersebut akan dinilai sebegitu rupa akhirnya akan dapat mengembalikan wang Kerajaan dan sambil itu pula kita mempunyai satu kemampuan yang baru yang tidak mungkin dilaksanakan oleh pihak swasta dalam negara kita ini yang meletakkan asas yang lebih kukuh dari segi struktur ekonomi negara kita.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai Bank Bumiputra. Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada kepentingan bumiputera. Terlebih dahulu ingin saya maklumkan di sini bahawa Bank Bumiputra peranannya walaupun pada asalnya jangkaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi sebagai satu bank perdagangan yang terlibat secara langsung dalam apa yang disebut, dengan izin, retail banking, maka Bank Bumiputra tidak terkecuali daripada procedure, dengan izin, peraturan-peraturan dan juga kegiatan-kegiatan seperti yang dilakukan oleh mana-mana bank perdagangan. Jadi, kalau sekiranya ada pihak bumiputera yang merasa terkilan kerana Bank Bumiputra tidak melayan

dengan sewajarnya, maka itu adalah perlu diletakkan pada asas yang saya sebutkan sebentar tadi.

Mengenai hutang lapuk, Tuan Pengerusi, di Bank Bumiputra, saya ingin maklumkan di sini bahawa apa yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terakhir ini terhadap Bank Bumiputra ialah supaya pengurusan yang ada pada hari ini pada kedudukan kewangan yang sewajarnya dan sambil itu pula diminta, dituntut supaya dapat mengembalikan segala hutang-hutang yang belum lagi dibayar hingga kini. Saya diberitahu bahawa hutang yang terkumpul, yang belum dibayar oleh pihak-pihak peminjam ialah sebanyak lebih kurang \$5 billion dan pengurusan yang ada tidak terlepas daripada tanggungjawab untuk mengembalikan segala hutang-hutang tersebut. Walaupun pihak Kerajaan dan pihak PETRONAS pada satu ketika membuat langkah-langkah seperti yang kita maklum untuk meletakkan Bank Bumiputra pada kedudukan yang ada pada hari ini, tetapi hutang-hutang lapuk masih lagi tidak terlepas daripada mereka yang tidak membayarnya. Ini adalah satu tugas yang besar yang diserahkan kepada pengurusan yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan adalah perkara yang perlu dibuat bahkan wajib dibuat untuk memastikan bahawa keadaan sistem kewangan institusi kewangan di negara kita ini tidak terganggu keyakinan masyarakat, bahkan keyakinan dunia terhadap sistem kewangan negara kita ini tidak terjejas langsung. Itu sebabnya Kerajaan tidak ada pilihan selain daripada untuk membuat apa yang sewajarnya supaya Bank Bumiputra terpelihara. Kita harap seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila tiba masanya nanti bahawa Bank Bumiputra akan disenaraikan pada masa yang sewajarnya. Dengan cara demikian apabila disenaraikan, ber-

dasarkan kepada track record, dengan izin, berdasarkan kepada potensinya, lagi sekali peluang dan harapan untuk mengembalikan wang Kerajaan akan dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat yang terakhir yang bangun untuk membahaskan peruntukan kewangan Kementerian Kewangan, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tuaran mengenai peruntukan yang tidak digunakan oleh Kerajaan pada satu-satu tahun. Dalam hal ini sekadarkan saya ingin menyebut di sini bahawa kita tidak meletakkan silap kepada sesiapa. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang berbangkit berkaitan dengan perkara ini sepatutnya dapat diselaraskan di peringkat Kerajaan Pusat, di ICU khususnya dan dari segi pentadbirannya dapat dilaksanakan, dilanjutkan pada tahun yang tertanggung kepada tahun yang akan datang.

Akhiraya saya ingin merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Sabah Porest Industry dan Sabah Gas. Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya telahpun menyebut dengan panjang lebar mengenai PABK yang mempunyai masalah, di antaranya ialah Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries. Kerajaan Pusat adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita menyedari tentang kedudukan kedua-dua syarikat tersebut. Kita sedia maklum bahawa ada pinjaman daripada Kerajaan Pusat kepada industri-industri tersebut. Ada pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan ada jaminan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat dan kedua-dua syarikat dimiliki seratus peratus oleh Kerajaan Negeri Sabah. Bahkan pada minggu depan ada satu mesyuarat yang dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk membincangkan perkara ini dengan cara terperinci, dengan penuh rasa tanggungjawab. Kita hendak paslikan bahawa pinjaman-pinjaman ini tidak menjadi masalah

kepada negara kita, bukan sahaja kepada kedua-dua industri tersebut, bukan juga kepada Kerajaan Sabah. Kita hendak pastikan bahawa pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Pusat tidak akan terbiar begitu sahaja sehinggakan masyarakat dunia akan menilai kita dengan mata yang sebelah. Kita mendakwa hingga kini bahawa kita adalah sebuah negara yang mampu membayar segala pinjaman-pinjaman kita dan kita sudahpun menyusun semula PABK-PABK yang ada masalah.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Pusat menuntut supaya Kerajaan Negeri Sabah memberi kerjasama yang sewajarnya, sama ada dari segi budi bahasanya dan rasa tanggungjawab untuk bersama-sama dengan Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan kedua-dua syarikat yang masih lagi tinggal sebagai syarikat-syarikat yang bermasalah.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan-jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas perkara-perkara tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$105,725,000 untuk Maksud B.28; \$708,686,070 untuk Maksud B.29; \$1,958,621,010 untuk Maksud B.30; \$167,686,300 untuk Maksud B.31 dan \$108,320,400 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$105,725,000 untuk Maksud B.28; \$708,686,070 untuk Maksud B.29; \$1,958,621,010 untuk Maksud B.30; \$167,686,300 untuk Maksud B.31 dan \$108,320,400 unluk

Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$115,610,050 untuk Maksud P.28; \$57,865,450 untuk Maksud P.31; \$5,100,000 untuk Maksud P.32 dan \$800,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.58 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi dipuluskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$115,610,050 untuk Maksud P.28; \$57,865,450 untuk Maksud P.31; \$5,100,000 untuk Maksud P.32 dan \$800,000,000 untuk Maksud P.58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

**Maksud B.33 (Jadual)—**

**Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan 1991)—**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.33 dan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Kota Bharu.

5.58 ptg.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 33, Butiran 00600 Tajuk 01 Pecahan (viii) Pembangunan Usahawan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada mukasurat 157 dan saya akan juga merujuk kepada Kertas Perintah 20 Tahun 1990, mukasurat 127, 128 dan 129 iaitu berkaitan dengan Strategi Belanjawan 1991 MARA di mana terdapat empat strategi yang telah diturunkan di sini.

Strategi pertama menyatakan:

"Menambah bilangan usahawan dan mempertingkatkan kemahiran/tahap usahawan dan usahaniaga dalam perdagangan dan perindustrian kecil dan sederhana".

Sehubungan ini, inginlah saya mengucapkan tahniah kerana telah menambah bilangan kursus di bawah tajuk Bimbingan Usahawan—Pengwujudan, daripada 14 kepada 28 dan bilangan peserta daripada 350 orang kepada 700 orang.

Tetapi saya agak rasa dukacita kerana pada mukasurat 129 di bawah tajuk Peningkatan, Sokongan, Sampingan, Latihan sambil kerja dan Skim usahawan muda, nampaknya bagi 1991, umpamanya bagi tajuk Peningkatan, bilangan kursus telah diturun daripada 500 kepada 300 lebih. Bilangan peserta daripada 12,000 diturunkan 8,000. Begitu juga di bawah tajuk Sokongan, tajuk Sampingan tidak berubah, Latihan sambil kerja tidak berubah, Skim usahawan muda tidak berubah.

Kalau kita lihat kepada keutamaan strategi diletakkan sebagai nombor satu untuk menambah bilangan usahawan, nampaknya apa yang telah diperturunkan pada mukasurat 128 sehingga 129 itu di bawah tajuk-tajuk yang telah saya nyatakan, ini tidak mencerminkan kesungguhan untuk melahirkan lebih ramai usahawan, maka saya ingin mencadangkan supaya kita mengambil kira berapakah bilangan bumiputera yang sedang menganggur dan berapa jumlah bumiputera yang menganggur ini bagi setiap negeri dan peratusan antara 30% hingga 50% daripada golongan ini diberi pendedahan serta galakan kepada bidang perdagangan dan perindustrian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang.

6.01 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.33, mukasurat 156, Butiran 030100, 030200 dan 050000.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang diketahui terdapat banyak Perbadanan Awam Bukan Kewangan iaitu PABK, umpamanya UDA dan PKNS dan syarikat-syarikat yang lain di bawah Kementerian ini yang telah dilaburkan dengan berbillion ringgit wang rakyat, akan tetapi akaun-akaun syarikat-syarikat tersebut tidak diaudit dengan teliti ataupun tidak dibentangkan dalam Dewan Rakyat untuk pengawasan. Kami juga mengetahui bahawa kebanyakan syarikat itu tidak mempunyai akaun semasa, dengan izin, up-to-date, Tuan Pengerusi. Nampaknya Kementerian ini tidak boleh mengawalseliakan syarikat-syarikat tersebut dengan berkesan, terutamanya cara-cara penggunaan wang awam olehnya.

Tuan Pengerusi, adalah diketahui umum bahawa setengah-setengah syarikat PABK telah mengalami kerugian yang lcruk sekiranya syarikat-syarikat telah dimiliki oleh swasta perniagaan sudah diberhentikan. Saya hendak mengetahui bilangan syarikat PABK di bawah Kementerian ini yang telah mengalami kerugian dan bilangan yang mempunyai akaun-akaun semasa, dengan izin, up-to-date.

Tuan Pengerusi, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri ke atas syarikat-syarikat semacam ini yang akaunnya tidak diaudit entah beberapa tahun. Malahan adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membentangkan akaun-akaun semasa syarikat-syarikat tersebut yang diaudit di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 05000, Perbadanan Pembangunan Bandar. Saya ingin menyentuh peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk membangun semula bandar di seluruh negara dengan menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengambil tanah-tanah orang perseorangan yang strategik dalam bandar di seluruh negara. Mereka membangunkan tapak yang diduduki oleh penghuni-penghuni sejak berpuluh-puluh tahun lalu dengan mengorbankan kepentingan penghuni itu tanpa diberikan pampasan atau ganti tempat yang mencukupi dan sesuai. UDA berjaya membangun sesuatu tempat dengan mengorbankan orang lain. Apa yang terjadi di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain di seluruh negara jelas menunjukkan UDA dibekalkan dengan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah secara halus dari penduduk-penduduk bandar dengan maksud untuk menyusun masyarakat bandar. Apa pun alasan Kerajaan, hakikatnya UDA ialah gergasi yang akan merampas hak dan kepentingan rakyat tanpa ada tolak ansur.

Tuan Pengerusi, apa yang menyedihkan ialah wang pampasan yang dibayar oleh premis kediaman dan kedai adalah jauh lebih rendah dari harga pasaran, setelah berpuluh-puluh tahun mereka membangunkan kehidupan di atas tapak yang strategik itu. Mereka mendapati sukar untuk menerima hakikat yang mereka terpaksa diusir secara terhormat dari bumi tempat lahir atau tempat mereka dibesarkan dan berjaya membangun kehidupan diri dan keluarga melalui tapak tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya tuanpunya tanah dilibatkan sama dalam memajukan tanah-tanah tersebut dengan menjadikan mereka rakan kongsi dalam pembangunan hartanah itu.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.33 juga muka surat 155, Butiran 020100, 020200 dan 020300 dengan sekali gus, Tuan Pengerusi. Sebenarnya pelesen-pelesen teksi ialah untuk mengontrolnya secara berkesan demi kepentingan orang awam di negara ini. Pelesenan bukan untuk kepentingan awam, tetapi digunakan oleh Kerajaan untuk penaungan politik, dengan izin, political patronage dan juga hadiah politik untuk kuncu-kuncu yang berhubung rapat dengan parti pemerintah. Perbualan seperti ini menggalakkan amalan rasuah di Lembaga Pelesenan tersebut. Pada hakikatnya korupsi telah berlaku dengan berleluasa di Lembaga itu. Lesen-lesen teksi tidak dikeluarkan kepada orang awam yang benar-benar memerlukan lesen teksi. Tetapi kepada syarikat yang memperolehi hubungan politik dengan parti pemerintah, misalnya sebagai Saujana Teksi beberapa ratus lesen teksi telah dikeluarkan kepada Syarikat Saujana Teksi. Syarikat ini juga sebenarnya dikontrol oleh keluarga Tan yang juga dipercayai memiliki South Johore Bus Co., dengan izin, di Johor. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian Syarikat Saujana Teksi ini dikontrol oleh satu keluarga Tan dan bukannya yang apa dicatitkan di dalam registered particular, dengan izin, di Pendaftar syarikat.

Adalah perlu bagi Yang Berhormat Menteri untuk mengambil perhatian terhadap pengeluaran teksi tersebut untuk kepentingan orang ramai. Beilangan lesen teksi yang diberi kepada Saujana haruslah dikurangkan dan sebaliknya lesen-lesen diberi kepada orang-orang awam yang benar-benar berkehendakkan lesen itu, khasnya bagi pemandu-pemandu yang telah membawa teksi bertahun-tahun. Dan juga saya berharap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian.

Setakat ini, ada orang pemandu teks individu yang membawa teks berpuluh-puluh tahun dan mereka telah membuat permohonan tetapi lesen teks itu belum dapat sampai hari ini. Tetapi syarikat-syarikat seperti Saujana diberi 200 atau 500 lesen teks itu. Adakah Yang Berhormat Menteri insaf bahawa terdapat sebuah sindiket yang bcr-subahat dengan setengah-setengah Ahli Lembaga di dalam Kementeriannya? Nama seorang bekas Menteri Perusahaan Awam telah digunakan oleh sindiket ini untuk mendapat keyakinan orang awam.

Setakat ini, segelintir orang telah membayar sekurang-kurangnya \$500,000 atau mungkin lebih daripada \$500,000 untuk lesen-lesen tersebut. Wang ini dibayar kepada sindiket itu dan sebahagiannya atau sebahagian yang besar disuap kepada setengah-setengah pegawai di dalam Lembaga Pelesenan tersebut. Saya harap.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulungan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian pada hart ini dan saya percayai bahawa orang yang utama di dalam sindiket yang terbesar ini telah ditahan oleh BPR pada minggu lepas. Saya hendak mengetahui sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak akan kegiatan sindiket tersebut bersama-sama dengan ahli Lembaga tersebut. Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri setakat ini? Dan juga apakah langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mencegah amalan rasuah berleluasa di dalam Lembaga tersebut sebab rasuah di dalam Lembaga Pelesenan di dalam Kementerian ini adalah sangat 'wide-spread', dengan izin, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.72ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Sili Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan buah fikiran serta teguran-teguran dalam perbincangan perbelanjaan yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap ialah Ahli-ahli Parlimen dari Kota Bharu dan Bukit Bintang.

Saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Kota Bharu, khususnya menekankan tentang strategi belanjawan dalam Majlis Amanah Rakyat, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan usahawan. Kementerian ini memanglah mcmbcri penekanan yang utama terhadap pembangunan usahawan tetapi tidaklah dapat dengan hanya melihat kepada bilangan sahaja bererti bahawa strategi ini telah tidak diberikan keutamaan kerana memandangkan bahawa satu Bahagian daripada Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Pembangunan Usahawan telah dipindahkan kepada Kementerian Perusahaan Awam. Ini bererti bahawa perkara berkenaan dengan pembangunan usahawan ini telah dan akan terus diberi keutamaan selaras dengan matlamat utama Kementerian ini untuk memastikan supaya perkara pembangunan usahawan ini dapat kita usahakan dengan sebaik-baiknya.

Namun demikian, cadangan Yang Berhormat untuk membolehkan Kementerian ini merancang pembangunan bilangan usahawan, terutamanya dari kalangan bumiputera dan khususnya berkaitan dengan target-target sasaran akan diambil perhatian kerana di dalam rancangan yang ada sekarang

ini, Majlis Amanah Rakyat sendiri ada mempunyai Institut Pembangunan Usahawan yang sudah lama menjatankan berbagai kursus dan latihan. Tambahan pula, beberapa rancangan yang sedang diatur kini akan dirangka dengan begitu rupa supaya pengagihan atau distribution, dengan izin, tentang bilangan mengikut negeri dan berasaskan kepada data-data mengenai berapakah bilangan belia dan kalangan lain akan diambilkira dalam menentukan program yang akan dirancang.

Mengenai teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang berkenaan dengan rancangan Perbadanan UDA dan PKNS, saya kira ini tidak adil kerana memanglah akaun-akaun ini dijalankan dan dilakukan, jadi tidak adil kalau dikatakan bahawa ada syarikat-syarikat yang tidak diaudit. Namun demikian, syarikat-syarikat yang didapati kurang memuaskan dari segi prestasinya sedang diberi perhatian oleh Kementerian ini.

Berknaan dengan perkara yang bersabit dengan soal pelesenan teksis dan peluang terhadap pihak awam, adalah tidak adil bagi Yang Berhormat membuat tuduhan bahawa Kementerian ini telah tidak menjalankan tugasnya dan membuat tuduhan seperti mengatakan bahawa ada sindiket yang bersuhabat. Sila Yang Berhormat memberi bukti yang jelas supaya tindakan dapat diambil.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tidak payah beri jalan sebab....

**Tuan Wee Choo Keong:** Tetapi....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, Sudahlah.

Bukan di sini. Berilah bukti di luar, bukan di sini sekarang ini. Jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak beri bukti, berilah masa Yang Berhormat berucap tadi. Yang Berhormat, sudahlah. Sila teruskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Wee Choo Keong:** Takut!

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tidak takut tetapi luduhan ini tidak berasas dan segala tindakan-tindakan sedang diambil kerana Kemenerian ini juga sedang mengemaskinikan segala proses-proses uniuik memastikan supaya pentadbiran yang ada di dalam Lembaga ini dapal dikemaskinikan untuk memberi perhatian kepada setiap perkara yang harus diutamakan.

Jadi, dengan itu saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih terhadap pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat dan kita akan mengambil perhatian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$166,501,600 untuk Maksud B.33 di bawah Kemenerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$166,501,600 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$284,088,010 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$284,088,010 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

**Maksud B.34 (Jadual)—**

Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan 1991)—

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.34 dan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,146,500,400.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Saya sudah baca, Yang Berhormat. Yang Berhormat lambat bangun.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Saya bangun sebelum Tuan Pengerusi baca.

**Tuan Pengerusi:** Saya baca dulu—saya lihat. Ahli Yang Berhormat, saya tunggu tadi. Saya tunggu dan tidak ada sesiapa yang bangun. Saya pun susah hati tidak ada siapa pun yang berucap dalam perkara ini—ya, saya pun susah juga, bukan Yang Berhormat dari Kepong sahaja. Saya hendak langguhan bagi mesyuarat bersambung pada hari esok. Scbenarnya Yang Berhormat Menteri bangun mengemukakan usul. Saya tidak dengan sendirinya boleh memutuskan soal ini. Oleh yang demikian, saya terpaksa teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,446,500,400 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,446,500,400 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$594,662,000 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$594,662,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41 dan B.42 (Jadual)—**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 (Anggaran Pembangunan 1991)—**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41 dan B.42; dan Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat dari Kepong.

6.21 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya tidak boleh melihatkan peruntukan wang yang begitu banyak diluluskan dengan begitu sahaja hampir \$2 bilion diperuntukkan untuk Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, di bawah buiiran 030000—Pencegahan Jenayah yang mempunyai anggaran lebih \$112 juta ini nampaknya di Wilayah Persekutuan, pihak Polis telah berjaya membuat beberapa tangkapan dan menyelesaikan kes-kes penjenayahan dalam Wilayah Persekutuan. Satu berita yang baik hendaklah digalakkan. Walau bagi

manapun, nampaknya di Wilayah Persekutuan juga termasuk di Kepong ada bilangan jenayah yang bertambah. Misalnya satu bulan yang lepas di kawasan Kepong di mana ada beberapa pembeli rumah kos rendah yang berkumpul untuk membayar wang pendahuluan (cengkeram) untuk membeli rumah kos rendah dan di situ pihak penjenayah menggunakan alat-alat moden termasuk telefon moden untuk mengendalikan kegiatan jenayah ini untuk merompak pihak pemaju dan juga pembeli-pembeli rumah. Hal seperti ini berlaku mungkin dengan alat komunikasi yang moden, pihak penjenayah pun menjadi lebih mahir untuk menipu dan untuk mengelakkan daripada kawalan polis.

Nampaknya kes-kes sophisticated ini memang bertambah bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan juga di seluruh negara sehingga itulah pihak polis terpaksa menambahkan latihan dan juga alat-alat moden yang diperolehinya untuk mencegah penjenayah sophisticated ini.

Tuan Pengerusi, walau pun saya mempunyai banyak bukti-bukti dalam butiran-butiran ini tetapi disimpan di rumah, tidak dibawa ke mari.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dah Kepong, salah siapa itu? Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Di sini, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 01200—Pusat Tahanan dan juga.....

**Tuan Pengerusi:** Berucaplah di atas Pusat Tahanan dahulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, saya hendak sentuh dengan Penjara pula daripada Pusat Tahanan itu. Tuan Pengerusi, oleh kerana saya ada pengalaman dalam pusat-pusat tahanan ini, memang saya boleh bercerita dengan baik di sini—tidak seperti Ahli dari Padang Terap ataupun Arau, Larut

pun termasuk juga. (*Ketawa*) Tidak pernah masuk ke Pusat Tahanan, mereka hendak melaung-laungkan di dalam Dewan yang mulia ini tidak patutlah.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak bersangkutan butiran ini. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya nampak bilangan yang ditahan di dalam Pusat Tahanan itu terutamanya di Kamunting adalah lebih 150 orang yang telahpun ditahan di bawah ISA. Daripada pengalaman saya di situ dari segi makanan, dari segi keadaan tahanan itu adalah tidak memuaskan.

Yang pertama, saya tidak bersetuju menahan orang di bawah ISA yang saya anggap setakat ini dengan tiadanya komunis lagi menggunakan senjata secara kekerasan, kita patutlah berhenti daripada menggunakan Akla ISA ini untuk menahan orang. Tetapi bagi orang yang telah ditahan itu, kalau boleh, kita berilah layanan yang lebih baik lagi.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Masuk lagi!

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia tanya supaya saya masuk lagi. Apa faşal hendak masukkan saya ke dalam lagi? (*Ketawa*). Adakah kerana berucap di Dewan yang mulia ini?

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Larut itu dia tidak faham langsung mengenai peranan dan fungsi pihak kami di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, point of order 36 (1).

**Dr Tan Seng Giaw:** Apa dia maksudkan, cuba.....

**Tuan Pengerusi:** Tidak payahlah, boleh sambung esok. (*Ketawa*) Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, suruh saya berhenti sekarang?

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh, saya tidak berkuasa. (*Ketawa*) Saya harap saya diberi kuasa—Pengerusi diberi kuasa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di dalam kem tahanan seperti di Kamunting patut pihak Kementerian membenarkan Persatuan Bulan Sabit Merah untuk pergi ke kem-kem seperti ini untuk membuat lawatan dan juga kawalan kesihatan ke atas orang-orang tahanan di dalam pusat-pusat ini supaya kesihatan mereka tidak terjejas dan suasana alam sekitar mereka boleh diperbaiki untuk menjaga kesihatan orang-orang tahanan ini. Setakat ini walaupun pihak

Persatuan Bulan Sabit Merah ada membuat lawatan ke pusat-pusat seperti ini tetapi tidak mengikut apa yang termaktub di dalam peraturan-peraturan yang tertentu dan juga tidak difahami oleh pihak Yang Berhormat dari Larut. Dia tidak tahu ada peraturan-peraturan yang tertentu untuk kem-kem tahanan dan peraturan-peraturan ini mesti dipatuhi oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Larut bangun.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Pengerusi, apa dia makan di sana dan masa habis. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak usah jawablah. (*Ketawa*)

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*